



PERATURAN AKADEMIK PENGAJIAN PASCASISWAZAH

POSTGRADUATE ACADEMIC REGULATIONS



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Edisi Ketujuh 2025
Seventh Edition 2025

Kelulusan Senat Bil. 2/2025/2026 (Kali ke-253) bertarikh 13 November 2025
Senate Endorsement No. 2/2025/2026 dated 13 November 2025

Hakcipta Terpelihara. Segala bentuk penghasilan semula, pengarkiban, pengubahsuaian, penterjemahan, pengedaran, pemindahan atau penerbitan mana-mana bahagian kandungan buku ini melalui apa-apa medium, termasuk elektronik, mekanikal, rakaman, fotokopi atau kaedah penggandaan lain, adalah dilarang tanpa kebenaran bertulis yang sah daripada Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

All Rights Reserved. Any reproduction, archiving, alteration, translation, distribution, transmission, or publication of any part of the contents of this book, whether by electronic, mechanical, recording, photocopying, or any other means, is prohibited without the prior written authorization of the Vice-Chancellor of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

JADUAL KANDUNGAN
TABLE OF CONTENT

No. <i>No.</i>	Tajuk <i>Title</i>	Muka surat <i>Page Number</i>
1.0	NAMA PERATURAN <i>TITLE OF THE REGULATION</i>	6
2.0	TAKRIFAN <i>DEFINITIONS</i>	6
3.0	PENDAFTARAN PROGRAM <i>PROGRAMME REGISTRATION</i>	23
4.0	BENTUK PENDAFTARAN PROGRAM DAN TEMPOH PENGAJIAN <i>FORMS OF PROGRAMME REGISTRATION AND DURATION OF STUDY</i>	24
5.0	PERTUKARAN PROGRAM DAN MOD PENGAJIAN <i>PROGRAMME AND MODE OF STUDY CONVERSION</i>	25
6.0	PERTUKARAN STATUS PENDAFTARAN DARI SARJANA KE KEDOKTORAN (MOD PENYELIDIKAN) <i>CONVERSION OF REGISTRATION STATUS FROM MASTER'S TO DOCTORAL (RESEARCH MODE)</i>	27
7.0	LALUAN PANTAS <i>FAST TRACK</i>	31
8.0	PENDAFTARAN KURSUS <i>COURSE REGISTRATION</i>	32
9.0	PEMBETULAN PENDAFTARAN KURSUS <i>AMENDMENT OF COURSE REGISTRATION</i>	35
10.0	TARIK DIRI KURSUS (TD) <i>COURSE WITHDRAWAL (TD)</i>	37
11.0	ULANG KURSUS (UK) <i>COURSE RETAKE (UK)</i>	38
12.0	KEHADIRAN <i>ATTENDANCE</i>	39
13.0	BEBAN AKADEMIK <i>ACADEMIC LOAD</i>	41
14.0	PEMINDAHAN KREDIT <i>CREDIT TRANSFER</i>	43
15.0	PENANGGUHAN, PENGGANTUNGAN, DAN PEMBERHENTIAN PENGAJIAN <i>DEFERMENT, SUSPENSION, AND TERMINATION OF STUDIES</i>	45
16.0	LAPORAN PROJEK SARJANA / DISERTASI / TESIS <i>MASTER'S PROJECT / DISSERTATION / THESIS REPORT</i>	55

17.0	PENYELIAAN <i>SUPERVISION</i>	64
18.0	PANEL PEMERIKSA <i>EXAMINATION PANEL</i>	66
19.0	PENILAIAN <i>ASSESSMENT</i>	68
20.0	RAYUAN DAN PENILAIAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN <i>APPEAL AND RE-EVALUATION OF EXAMINATION</i> <i>RESULTS</i>	72
21.0	SEMAKAN PEMBETULAN TESIS <i>REVIEW OF THESIS AMENDMENTS</i>	75
22.0	PEPERIKSAAN AKHIR <i>FINAL EXAMINATION</i>	75
23.0	SISTEM GRED <i>GRADING SYSTEM</i>	77
24.0	KEDUDUKAN AKADEMIK <i>ACADEMIC STANDING</i>	82
25.0	PENGANUGERAHAN <i>CONFERMENT OF AWARD</i>	83
26.0	PERUNTUKAN AM <i>GENERAL PROVISIONS</i>	89

SENARAI JADUAL
LIST OF TABLES

Jadual <i>Table</i>	Tajuk <i>Title</i>	Muka surat <i>Page Number</i>
Jadual 1 <i>Table 1</i>	Tempoh Pengajian bagi Program Pascasiswazah <i>Duration of Study for Postgraduate Programmes</i>	91
Jadual 2 (a) <i>Table 2 (a)</i>	Pertukaran Tempoh Sepenuh Masa Ke Separuh Masa dan Sebaliknya (Program Sarjana) <i>Exchanging Duration from Full time to Part time and Vice Versa (Master Degree Programme)</i>	92
Jadual 2 (b) <i>Table 2 (b)</i>	Pertukaran Tempoh Sepenuh Masa Ke Separuh Masa dan Sebaliknya (Program Sarjana) <i>Exchanging Duration from Full time to Part time and Vice Versa (Master Degree Programme)</i>	93
Jadual 3 <i>Table 3</i>	Kredit Minimum dan Maksimum bagi Satu Semester <i>Minimum and Maximum Credits per Semester</i>	94
Jadual 4 <i>Table 4</i>	Garis Panduan Perakuan Keputusan Peperiksaan Lisan dan Tesis <i>Guidelines on Viva Voce Results and Thesis Recommendation</i>	95
Jadual 5 <i>Table 5</i>	Peratus Markah, Mata Nilai, Gred dan Status Pencapaian Kursus <i>Marks Percentage, Grade Point, Grade and Course Achievement Status</i>	101
Jadual 6 <i>Table 6</i>	Kedudukan Akademik bagi Program Akademik Pascasiswazah <i>Academic Standing for Postgraduate Academic Program</i>	104
Jadual 7 <i>Table 7</i>	Status Pendaftaran Kursus dan Gred Keputusan <i>Course Registration Status and Grading Results</i>	105
Jadual 8 <i>Table 8</i>	Simulasi Penetapan Gred dan Status bagi Syarat Lulus Kursus Mengikut Komponen <i>Simulation of Grade and Status Determination for Course Passing Requirements by Component</i>	107
Jadual 9 <i>Table 9</i>	Senarai Penyakit Kronik Mengikut Kementerian Kesihatan Malaysia <i>List of Chronic Illnesses According to the Ministry of Health Malaysia</i>	108
Jadual 10 <i>Table 10</i>	Syarat Penerbitan bagi Tujuan Penganugerahan <i>Publication Requirements for the Award of the Degree</i>	109

1.0 NAMA PERATURAN

TITLE OF THE REGULATION

Peraturan ini dinamakan Peraturan Akademik Pengajian Pascasiswazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

These regulations shall be known as the Postgraduate Academic Regulations of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

2.0 TAKRIFAN

DEFINITIONS

Di dalam Peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain;

In these Regulations, unless the context otherwise requires;

“Anugerah Aegrotat”

“Aegrotat Award”

Merujuk kepada penganugerahan kepada pelajar yang tidak dapat menyempurnakan program akademiknya atas sebab masalah kesihatan kritikal yang dihadapi semasa tempoh pengajian.

Refers to an award conferred upon a student who is unable to complete an academic programme due to a critical health condition suffered during the period of study.

“Anugerah Anumerta”

“Posthumous Award”

Merujuk kepada penganugerahan yang diberikan kepada seseorang pelajar yang tidak dapat menyempurnakan program akademiknya disebabkan oleh kematian yang berlaku semasa tempoh pengajian.

Refers to an award conferred upon a student who is unable to complete an academic programme due to death occurring during the period of study.

“Calon Pelajar”

“Prospective Student”

Merujuk kepada seseorang calon yang telah ditawarkan untuk mengikuti mana-mana program akademik tetapi belum membuat pendaftaran bagi program tersebut.

Refers to a candidate who has been offered admission to any academic programme but has not yet completed programme registration.

“Disertasi”

“Dissertation”

Merujuk kepada suatu dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh pelajar bagi program kedoktoran secara kerja kursus serta program sarjana yang ditawarkan melalui mod pengajian campuran sahaja.

Refers to an original research document prepared and submitted by students enrolled in coursework-based doctoral programmes and master’s programmes offered under the mixed-mode of study only.

“Fakulti”

“Faculty”

Ertinya Fakulti dan Pusat Pengajian yang ditubuhkan dalam Universiti.

Means the Faculties and Centre established within the University

“Hadir Sahaja” (HS)

“Attendance Only” (HS)

Merujuk kepada status pendaftaran kursus di mana tiada sebarang gred akan diberikan, dan ia dicatatkan dalam transkrip sebagai Hadir Sahaja (HS).

Refers to a course registration status where no grade is assigned, and it is recorded on the transcript as Attendance Only (HS).

“Hadir Wajib” (HW)

“Compulsory Attendance” (HW)

Merujuk kepada status pendaftaran kursus di mana pendaftaran akan dinilai sebagai Hadir Lulus (HL) sekiranya lulus, atau Hadir Gagal (HG) sekiranya gagal.

Refers to a course registration status where the enrolment will be assessed as Compulsory Attendance Pass (HL) if passed, or Compulsory Attendance Fail (HG) if failed.

“Ijazah”

“Degree”

Merujuk kepada penganugerahan yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar yang memenuhi syarat bagi program diploma lepasan ijazah, sarjana, doktor falsafah, atau yang setaraf dengannya.

Refers to an award conferred by the University to a student who has fulfilled the requirements of a post-graduate diploma, master’s, doctoral, or an equivalent programme.

“Ijazah Bersama”

“Joint Degree”

Merujuk kepada satu program pengajian yang melibatkan kerjasama antara dua atau lebih institusi penganugerahan ijazah yang setaraf dalam pembangunan dan penawaran program, yang membawa kepada penganugerahan satu ijazah dengan satu skrol oleh institusi yang terlibat.

Refers to an academic programme involving collaboration between two or more degree-granting institutions of equal standing in the development and delivery of the programme, resulting in the conferral of a single degree with a single scroll by the participating institutions.

“Ijazah Dual”

“Dual Degree”

Merujuk kepada DUA (2) program pengajian daripada bidang yang sama atau hampir sama yang melibatkan kerjasama oleh dua institusi penganugerahan ijazah (degree granting institutions) yang setanding (equal standing) dan membawa kepada penganugerahan dua skrol oleh institusi-institusi yang terlibat;

Refers to TWO (2) academic programmes in the same or closely related fields involving collaboration between two degree-granting institutions of equal standing, resulting in the conferral of two separate scrolls by the participating institutions.

“Ijazah Berganda”

“Double Degree”

Merujuk kepada DUA (2) program pengajian daripada bidang yang berbeza yang melibatkan kerjasama oleh institusi yang sama atau dua institusi penganugerahan ijazah yang setaraf, yang membawa kepada penganugerahan dua skrol oleh institusi-institusi yang terlibat.

Refers to TWO (2) academic programmes in different fields involving collaboration by the same institution or two degree-granting institutions of equal standing, resulting in the conferral of two separate scrolls by the participating institutions.

“Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti” (JKPSF)

Merujuk kepada jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti bagi merancang dan mengawal selia program pengajian pascasiswazah di peringkat Fakulti.

Refers to a committee established within the Faculty to plan and oversee postgraduate academic programmes at the Faculty level.

“Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah” (JPS)

Merujuk kepada jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Universiti untuk memperakukan dan melaporkan hal ehwal akademik serta peperiksaan pengajian pascasiswazah kepada Senat.

Refers to a committee established by the University to endorse and report on academic and examination matters of postgraduate studies to the Senate.

“Kaedah Pengajian”

“Method of Study”

Merujuk kepada pelaksanaan program akademik sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa.

Refers to the implementation of an academic programme on a full-time or part-time basis.

“Kedudukan Baik Tamat Program” (KBTP)

“Good Standing Programme Completion” (KBTP)

Merujuk kepada status yang diberikan kepada pelajar yang telah memperoleh bilangan kredit lulus yang mencukupi tetapi masih belum memenuhi syarat untuk bergraduan.

Refers to the status conferred upon a student who has attained the required number of passed credits but has not yet fulfilled the requirements for graduation.

“Kepentingan Negara”

“National Interest”

Merujuk kepada keperluan atau tanggungjawab rasmi yang melibatkan kepentingan umum dan keselamatan negara, yang mesti diberi keutamaan melebihi kepentingan individu. Ia merangkumi situasi di mana seseorang terlibat dalam tugas rasmi kerajaan, program keselamatan negara, penyelidikan strategik, misi diplomatik, atau perkhidmatan penting yang menyumbang secara langsung kepada pembangunan dan kestabilan negara.

Refers to official duties or responsibilities involving public interest and national security, which must take precedence over individual interests. This encompasses situations in which an individual is engaged in government official duties, national security programmes, strategic research, diplomatic missions, or essential services that directly contribute to the development and stability of the nation.

“Kredit Dapat”

“Earned Credit”

Merujuk kepada kredit yang diperolehi bagi kursus yang lulus.

Refers to the credit obtained for a course that has been passed.

“Kredit Kira”

“Credit Counted”

Merujuk kepada kredit yang diambilkira dalam pengiraan PNG (Purata Nilai Gred) dan PNGK (Purata Nilai Gred Keseluruhan).

Refers to the credits accounted for in the calculation of GPA (Grade Point Average) and CGPA (Cumulative Grade Point Average).

“Kursus Pra-Syarat”

“Pre-Requisite Course”

Merujuk kepada kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar untuk memenuhi dan/atau melengkapkan keperluan syarat kemasukan bagi program akademik di UTHM.

Refers to courses offered to students to fulfill and/or satisfy the admission requirements of an academic programme at UTHM.

“Laporan Projek Sarjana”

“Master’s Project Report”

Merujuk kepada dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh pelajar bagi program sarjana secara mod kerja kursus sahaja.

Refers to an original research document prepared and submitted by students enrolled in a master’s programme offered under coursework mode only.

“Mod Campuran”

“Mixed Mode”

Merujuk kepada program yang menggabungkan mod kerja kursus dan mod penyelidikan.

Refers to a programme that combines coursework and research components.

“Mod Kerja Kursus”

“Coursework Mode”

Merujuk kepada kaedah pelaksanaan sesuatu program pengajian pascasiswazah yang memerlukan pelajar mengikuti kuliah dan/atau menjalani latihan akademik berbentuk tugas, kertas projek, dan seumpamanya.

Refers to the method of implementing a postgraduate programme that requires students to attend lectures and/or undertake academic exercises such as assignments, project papers, and the like.

“Panel Pemeriksa Mod Penyelidikan”

“Research Mode Examination Panel”

Merujuk kepada panel yang dilantik untuk menilai tesis serta pembentangan peperiksaan lisan bagi program pengajian peringkat sarjana atau kedoktoran secara mod penyelidikan.

Refers to a panel appointed to assess the thesis and oral examination presentation for master’s or doctoral programmes conducted under the research mode.

"Panel Penilai Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran"

“Coursework and Mixed Mode Evaluation Panel”

Merujuk kepada panel yang dilantik untuk menilai disertasi dan/atau laporan projek sarjana serta pembentangan lisan bagi program pengajian peringkat sarjana atau kedoktoran secara mod kerja kursus dan/atau mod campuran.

Refers to a panel appointed to assess the dissertation and/or master’s project report, as well as the oral presentation, for master’s or doctoral programmes conducted under coursework and/or mixed modes.

“Pelajar”

“Student”

Merujuk kepada seseorang yang telah didaftarkan untuk mengikuti program pengajian pascasiswazah di Universiti ini.

Refers to an individual who has been enrolled in a postgraduate programme at this University.

“Pelajar Kanan”

“Senior Student”

Merujuk kepada individu yang telah berdaftar dan sedang meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi, kecuali mereka yang berada pada tahun pertama atau semester pertama pengajian.

Refers to an individual who is enrolled and continuing studies at a higher education institution, excluding those in their first year or first semester of study.

“Pembelajaran Terbuka Dan Jarak Jauh”

“Open and Distance Learning”

Merujuk kepada peruntukan peluang pendidikan yang fleksibel dari segi akses serta pelbagai mod pemerolehan pengetahuan.

Refers to the provision of educational opportunities that are flexible in terms of access and various modes of knowledge acquisition.

“Pemeriksa Dalam”

“Internal Examiner”

Merujuk kepada staf akademik Universiti yang dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah dengan kelulusan Senat untuk menilai projek sarjana, disertasi, atau tesis serta pembentangan peperiksaan lisan bagi program sarjana dan kedoktoran.

Refers to an academic staff member of the University appointed by the Graduate Studies Centre with Senate approval to assess master’s projects, dissertations, or theses, as well as oral examination presentations for master’s and doctoral programmes.

“Pemeriksa Luar”

“External Examiner”

Merujuk kepada staf akademik daripada universiti luar dan/atau pengamal industri yang dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah dengan kelulusan Senat untuk menilai projek sarjana, disertasi, atau tesis serta pembentangan peperiksaan lisan bagi program sarjana dan kedoktoran secara mod penyelidikan.

Refers to an academic staff member from an external university and/or industry practitioner appointed by the Graduate Studies Centre with Senate approval

to assess master's projects, dissertations, or theses, as well as oral examination presentations for master's and doctoral programmes conducted under the research mode.

“Pendaftaran Berdenda”

“Registration with Penalty”

Merujuk kepada pendaftaran kursus yang dilakukan lewat dalam tempoh **TUJUH (7)** hari bekerja selepas tamat tempoh pendaftaran kursus yang ditetapkan.

*Refers to a course registration made late within **SEVEN (7)** working days after the prescribed course registration period has ended.*

“Pendaftaran Lewat Berdenda”

“Late Registration Penalty”

Merujuk kepada pendaftaran kursus yang dibuat selepas tamat tempoh Pendaftaran Berdenda.

Refers to a course registration made after the expiry of the Registration with Penalty period.

“Penilaian Naik Taraf Tahap Pengajian” (PNTP)

“Assessment for Upgrading of Study Level” (PNTP)

Merujuk kepada penilaian terhadap pelajar sarjana secara penyelidikan bagi pertimbangan penukaran taraf ke program kedoktoran.

Refers to the evaluation of a master's research student for consideration of transfer to a doctoral programme.

“Penyelia Utama”

“Main Supervisor

Merujuk kepada staf akademik Universiti berstatus aktif yang dilantik oleh fakulti dan/atau Pusat Pengajian Siswazah untuk menyelia pelajar sarjana dan/atau kedoktoran.

Refers to an active academic staff member of the University appointed by the faculty and/or Graduate Studies Centre to supervise master's and/or doctoral students.

“Penyelia Bersama”

“Co-Supervisor”

Merujuk kepada staf akademik Universiti, universiti luar, atau Penyelia Industri berstatus aktif yang dilantik oleh fakulti dan/atau Pusat Pengajian Siswazah untuk menyelia pelajar sarjana dan/atau kedoktoran secara bersama dengan Penyelia Utama.

Refers to an active academic staff from the University, an external university, or an Industry Supervisor appointed by the faculty and/or Graduate Studies Centre to jointly supervise master’s and/or doctoral students alongside the Principal Supervisor.

“Pengamal Industri”

“Industry Practitioner”

Merujuk kepada individu yang terlibat secara aktif dalam industri atau agensi dan mempunyai kepakaran, pengalaman praktikal, serta kompetensi teknikal yang berkaitan dengan bidang tersebut.

Refers to an individual actively engaged in industry or an agency, possessing expertise, practical experience, and technical competence relevant to the field.

“Penyelia Industri”

“Industry Supervisor”

Merujuk kepada Pengamal Industri berstatus aktif yang dilantik oleh fakulti dan/atau Pusat Pengajian Siswazah untuk menyelia pelajar sarjana dan/atau kedoktoran secara bersama dengan Penyelia Utama.

Refers to an active Industry Practitioner appointed by the faculty and/or Graduate Studies Centre to jointly supervise master’s and/or doctoral students alongside the Principal Supervisor.

“Peperiksaan”

“Examination”

Merujuk kepada sebarang bentuk pentaksiran yang dijalankan untuk mengukur pencapaian akademik pelajar.

Refers to any form of assessment conducted to evaluate a student’s academic achievement.

"Peperiksaan Khas"

“Special Examination”

Merujuk kepada peperiksaan yang dijalankan bagi pelajar yang tidak hadir peperiksaan akhir atas sebab-sebab munasabah yang diterima oleh Universiti.

Refers to an examination conducted for students who were unable to attend the final examination due to reasonable causes accepted by the University.

"Peperiksaan Lisan"

“Oral Examination”

Merujuk kepada satu sesi penilaian di mana pelajar dikehendaki membentangkan dan mempertahankan tesis kepada Panel Pemeriksa.

Refers to an assessment session in which a student is required to present and defend their thesis before an Examination Panel.

"Pihak Berkuasa Melulus"

“Approving Authority”

Merujuk kepada pegawai Universiti atau jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Universiti yang diberi kuasa untuk membuat keputusan terhadap apa-apa permohonan yang dikemukakan kepadanya, tertakluk kepada kuasa-kuasa yang berkaitan.

Refers to a University officer or committee established by the University, empowered to make decisions on any applications submitted to them, subject to the relevant powers.

"Plagiarisme"

“Plagiarism”

Merujuk kepada perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data, atau ciptaan orang lain dan mengaku bahawa idea, penulisan, data, atau ciptaan tersebut adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau sebarang cubaan untuk menonjolkan, dengan apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data, atau ciptaan yang sebenarnya telah diambil daripada mana-mana sumber lain. Plagiarisme juga merangkumi perbuatan membentangkan, memetik, menyalin, memparafrasa, atau menyebarkan idea, imej, proses, karya, data, atau perkataan sama ada milik sendiri atau orang lain tanpa memberi perakuan, rujukan, atau petikan yang betul kepada sumber

asalnya. Perbuatan plagiarisme termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perkara-perkara berikut:

Refers to the act of taking ideas, writings, data, or creations of others and claiming them as one's own work; or any attempt to present, by any means, oneself as the original source or creator of ideas, writings, data, or creations that have actually been taken from any other source. Plagiarism also encompasses the presentation, quotation, copying, paraphrasing, or dissemination of ideas, images, processes, works, data, or words, whether one's own or those of others, without proper acknowledgment, citation, or reference to the original source. Acts of plagiarism include, but are not limited to, the following:

- (a) Memetik secara verbatim (pereplikaan kata demi kata) hasil karya orang lain merujuk kepada perbuatan menyalin atau menghasilkan semula, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, karya pihak lain secara tepat tanpa pengiktirafan atau rujukan yang sewajarnya;

Verbatim citation (word-for-word reproduction) of the work of another refers to the act of copying or reproducing, in whole or in part, the work of another party exactly as it appears, without proper attribution or acknowledgement;

- (b) Memparafrasa karya orang lain merujuk kepada perbuatan mengubah sebahagian perkataan atau susunan kata sesuatu karya pihak lain tanpa memberikan pengiktirafan atau perakuan yang sewajarnya kepada sumber asal;

Paraphrasing the work of another refers to the act of altering certain words or the arrangement of words of another party's work without providing proper attribution or acknowledgement to the original source;

- (c) Menghantar dan menerbitkan keseluruhan atau sebahagian karya orang lain atau karya yang dihasilkan melalui teknologi kecerdasan buatan generatif sebagai karya sendiri merujuk kepada perbuatan mempersembahkan karya tersebut tanpa pengiktirafan atau perakuan yang sewajarnya kepada sumber asal;

Submitting or publishing, in whole or in part, the work of another person or work generated through generative artificial intelligence technology as one's own refers to the act of presenting such work without proper attribution or acknowledgement of the original source;

- (d) Autoplagiarisme atau swaplagiarisme (self-plagiarism) merujuk kepada perbuatan menggunakan semula, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, karya sendiri yang telah diterbitkan atau yang telah dihantar bagi tujuan penilaian atau anugerah, dan mengemukakannya sebagai ciptaan baharu tanpa memetik atau mengiktiraf kandungan asal;

Autoplagiarism or self-plagiarism refers to the act of reusing, in whole or in part, one's own previously published work or work previously submitted for assessment or award, and presenting it as a new creation without proper citation or acknowledgement of the original content;

- (e) Perujukan sumber yang tidak mencukupi atau mengelirukan merujuk kepada penyediaan rujukan yang tidak lengkap, tidak tepat, atau mengelirukan sehingga pembaca tidak dapat menyemak sama ada sesuatu karya dipetik secara tepat dan/atau adil, serta tidak dapat mengenal pasti sumbangan penulis asal dalam karya yang diserahkan.

Insufficient or misleading source referencing refers to providing references that are incomplete, inaccurate, or misleading, thereby preventing readers from verifying whether a work has been cited accurately and/or fairly, and from identifying the contribution of the original author in the submitted work.

“Purata Mata Nilai Gred” (PNG)

“Grade Point Average” (CPA)

ertinya purata mata nilai gred yang diperoleh dalam sesuatu semester berdasarkan gred kursus yang diambil.

means the average grade points obtained in a particular semester based on the courses undertaken.

“Purata Nilai Gred Kumulatif” (PNGK)

“Cumulative Grade Point Average” (CGPA)

ertinya purata nilai gred kumulatif yang diperoleh bagi semua semester yang diikuti oleh pelajar sepanjang tempoh pengajian.

means the cumulative average grade points obtained across all semesters undertaken by a student throughout the period of study.

“Program”

“Programme”

Program pascasiswazah ertinya program akademik pengajian peringkat sarjana, kedoktoran, atau yang setaraf dengannya (Tahap 7 dan 8 mengikut Kerangka Kelayakan Malaysia) dalam bidang tertentu.

Postgraduate program means an academic program at the master’s, doctoral, or equivalent level (Level 7 and 8 under the Malaysian Qualifications Framework) in a specific field of study.

“Pusat Pengajian Siswazah (PPS)”

ertinya pusat yang ditubuhkan oleh universiti untuk mengurus, mentadbir, merekod, dan menyelaras pengendalian program pengajian pascasiswazah.

means a centre established by the university to manage, administer, record, and coordinate the delivery of postgraduate programs.

“Semester Lazim”

“Regular Semester”

ertinya Semester I dan Semester II yang merangkumi **EMPAT BELAS (14)** minggu pengkuliahahan, tidak termasuk minggu peperiksaan.

*means Semester I and Semester II, comprising **FOURTEEN (14)** weeks of instruction, excluding examination weeks.*

“Semester Pendek”

“Short Semester”

ertinya Semester III yang merangkumi **LAPAN (8)** minggu pengkuliahahan.
*means Semester III, comprising **EIGHT (8)** weeks of of teaching and learning.*

“Senat”

“Senate”

Merujuk kepada Senat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia;
Refers to the Senate of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

“Staf Akademik”

“Academic Staff”

ertinya pegawai universiti yang dilantik secara tetap, kontrak, atau sambilan ke jawatan Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Tutor, Guru Bahasa, Pengajar, Penolong Pengajar, Felo Industri, dan Jurutera Pengajar.
means university officers appointed on a permanent, contract, or part-time basis to the positions of Professor, Associate Professor, Senior Lecturer, Lecturer, Tutor, Language Teacher, Instructor, Assistant Instructor, Industry Fellow, and Teaching Engineer.

“Syarat Lulus Kursus Mengikut Komponen”

“Course Passing Requirement by Component”

ertinya pelajar dimestikan memperoleh markah lulus minimum bagi kedua-dua komponen pentaksiran berterusan dan pentaksiran akhir, sebagai syarat sah bagi pengiktirafan lulus kursus.

means a student is required to obtain the minimum passing marks in both the continuous assessment and final assessment components, as a mandatory condition for the official recognition of course completion.

“Tambah Baik” (TB)

“Course Improvement” (TB)

ertinya kursus yang boleh diambil semula dengan tujuan menambah baik PNGK.

means a course that may be retaken for the purpose of improving the CGPA.

"Tempoh Lazim"

“Normal Duration”

Merujuk kepada tempoh kebiasaan yang diambil oleh pelajar untuk menyelesaikan pengajian.

Refers to the customary period typically taken by a student to complete their studies.

“Tempoh permastautin”

“Residency requirement”

Merujuk kepada tempoh keberadaan (secara fizikal atau tidak fizikal) pelajar di premis Universiti yang menganugerahkan kelayakan, selepas pelajar mendaftar untuk mengikuti program pengajian di Universiti tersebut.

Refers to the duration of a student’s presence (physical or non-physical) on the premises of the University conferring the qualification, following the student’s registration in an academic programme at the University.

"Tesis"

“Thesis”

Merujuk kepada hasil penulisan ilmiah yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat kelulusan program pengajian pascasiswazah secara mod penyelidikan.

Refers to the scholarly work submitted by a student to fulfill the graduation requirements of a postgraduate programme conducted under the research mode.

“Ulang Kursus” (UK)

“Course Retake” (UK)

Merujuk kepada status yang diberikan kepada kursus yang diulang oleh pelajar kerana gagal.

Refers to the status assigned to a course that a student repeats due to failure.

“Universiti”

“University”

ertinya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
meaning Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

3.0 PENDAFTARAN PROGRAM *PROGRAMME REGISTRATION*

- 3.1 Calon hanya boleh mengemukakan permohonan penangguhan pendaftaran bagi program yang ditawarkan oleh Universiti untuk suatu tempoh yang terhad kepada **SATU (1)** semester daripada tarikh pendaftaran yang dinyatakan dalam surat tawaran, dan permohonan tersebut hendaklah tertakluk kepada kelulusan mutlak Pusat Pengajian Siswazah. Sekiranya calon gagal melaksanakan pendaftaran pada semester berikutnya, tawaran kemasukan tersebut akan terbatal secara automatik tanpa sebarang liabiliti lanjut kepada Universiti.

*Applicant may submit a request for deferment of registration for an programme offered by the University for a period limited to **ONE (1)** semester from the registration date stated in the offer letter, and such a request shall be subject to the absolute approval of Centre for Graduate Studies. Failure to complete the registration in the subsequent semester shall result in the automatic cancellation of the admission offer without any further liability to the University.*

- 3.2 Calon pelajar diwajibkan untuk mendaftar program yang ditawarkan serta memenuhi semua syarat yang diperuntukkan dalam surat tawaran bersyarat. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat tersebut memberi hak kepada Universiti untuk menarik balik tawaran berkenaan tanpa sebarang obligasi selanjutnya.

The applicant is required to register for the programme offered and to comply with all conditions stipulated in the conditional offer letter. Failure to satisfy any of these conditions grants the University the right to withdraw the offer without any further obligation.

4.0 BENTUK PENDAFTARAN PROGRAM DAN TEMPOH PENGAJIAN *FORMS OF PROGRAMME REGISTRATION AND DURATION OF STUDY*

- 4.1 Pelajar tempatan dibenarkan memilih untuk mengikuti program yang ditawarkan melalui kaedah pengajian sepenuh masa atau separuh masa, tertakluk kepada program yang disediakan oleh Fakulti. Walau bagaimanapun, pelajar antarabangsa diwajibkan untuk mengikuti program secara sepenuh masa tanpa pengecualian.

Local students are permitted to undertake the programme offered on a full-time or part-time basis, subject to the programmes provided by the Faculty. Notwithstanding, international students are required to pursue the programme on a full-time basis without exception.

- 4.2 Pelajar yang mengikuti program secara sepenuh masa atau separuh masa hendaklah menamatkan pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana dinyatakan di **Jadual 1**.

*Students enrolled on a full-time or part-time basis shall complete their studies within the period prescribed as set out in **Table 1**.*

- 4.3 Tempoh pengajian bagi sesuatu program adalah seperti yang dinyatakan di **Jadual 1** dan/atau mengikut standard program yang berkaitan. Walau bagaimanapun, Fakulti berhak menetapkan tempoh pengajian yang tidak kurang daripada tempoh minimum dan tidak melebihi tempoh maksimum yang dinyatakan, tertakluk kepada kelulusan Senat.

*The duration of study for a programme shall be as specified in **Table 1** and/or in accordance with the relevant programme standards. Notwithstanding, the Faculty reserves the right to determine a study duration of no less than the prescribed minimum and no more than the prescribed maximum, subject to the approval of the Senate.*

- 4.4 Pelajar penyelidikan (sarjana atau kedoktoran) yang berpindah ke Universiti dan berhasrat untuk menyambung penyelidikan dari institusi pengajian tinggi sebelumnya dikehendaki memperoleh kelulusan bertulis yang menyatakan kebenaran perpindahan penyelidikan tersebut. Tempoh minimum pengajian bagi pelajar berkenaan adalah tertakluk kepada **Jadual 1** dan/atau tempoh minimum lain yang ditetapkan oleh Senat.

*Research student (master's or doctoral) transferring to the University and intending to continue their research from a previous higher education institution shall be required to obtain written approval authorizing such research transfer. The minimum period of study for such students shall be subject to **Table 1** and/or any other minimum period as determined by the Senate.*

5.0 PERTUKARAN PROGRAM DAN MOD PENGAJIAN **PROGRAMME AND MODE OF STUDY CONVERSION**

5.1 Pertukaran Program

Programme Conversion

- 5.1.1 Segala permohonan pertukaran program, sama ada dalam Fakulti atau antara Fakulti, serta permohonan pertukaran mod pengajian, hendaklah dikemukakan melalui Borang Pertukaran Program dan/atau Borang Pertukaran Mod Pengajian untuk perakuan Fakulti dan seterusnya diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah untuk kelulusan rasmi. Bagi pelajar antarabangsa, pengesahan bertulis daripada Pejabat Antarabangsa adalah wajib diperoleh sebelum permohonan dikemukakan kepada Pusat Pengajian Siswazah bagi pertimbangan dan kelulusan.

All applications for programme conversion, whether within or between Faculties, as well as applications for a change in mode of study, shall be submitted via the Programme Transfer Form and/or the Mode of Study Change Form for Faculty endorsement and thereafter forwarded to the Centre for Graduate Studies for formal approval. For international

students, written confirmation from the International Office is mandatory prior to submission of the application to the Centre for Graduate Studies for consideration and approval.

- 5.1.2 Pertukaran program dan mod pengajian hanya dibenarkan **SATU (1)** kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

Programme conversion and change in mode of study are permitted only once throughout the duration of study.

- 5.1.3 Permohonan pertukaran program dan mod pengajian hanya dibenarkan selepas pelajar mengikuti sekurang-kurangnya **SATU (1)** semester pengajian.

*Applications for programme conversion and change in mode of study shall be permitted only after the student has completed at least **ONE (1)** semester of study.*

- 5.1.4 Kebenaran permohonan pertukaran program dan mod pengajian adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan keperluan yang ditetapkan oleh program atau Fakulti penerima.

Approval of applications for programme conversion and change in mode of study shall be subject to the terms, conditions, and requirements prescribed by the receiving programme or Faculty.

5.2 Pertukaran Kaedah Pengajian

Mode of Study Conversion

- 5.2.1 Permohonan penukaran kaedah pengajian daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya dibenarkan terhadap kepada pelajar tempatan, dengan perakuan Fakulti dan kelulusan Pusat Pengajian Siswazah. Pertukaran kaedah pengajian hanya boleh dilakukan **SATU (1)** kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

Applications for mode of study conversion from full-time to part-time or vice versa shall be permitted for local students only, with Faculty endorsement and approval from the Centre

*for Graduate Studies. A change in the mode of study may be made only **ONCE** throughout the duration of study.*

- 5.2.2 Pengiraan baki tempoh pengajian bagi sebarang permohonan yang diluluskan hendaklah dijalankan selaras dengan kaedah yang ditetapkan oleh Universiti, sebagaimana yang diperincikan dalam **Jadual 2(a)** dan **Jadual 2(b)**.

*The calculation of the remaining period of study for any approved application shall be carried out in accordance with the methodology prescribed by the University, as detailed in **Table 2(a)** and **Table 2(b)**.*

- 5.2.3 Pelajar perlu mempunyai baki tempoh pengajian sekurang-kurangnya **DUA (2)** semester untuk layak memohon pertukaran kaedah pengajian daripada sepenuh masa kepada separuh masa, atau sebaliknya.

*A student are required to have a minimum remaining period of study of **TWO (2)** semesters to be eligible to apply for a change in the mode of study from full-time to part-time, or vice versa.*

6.0 PERTUKARAN STATUS PENDAFTARAN DARI SARJANA KE KEDOKTORAN (MOD PENYELIDIKAN) ***CONVERSION OF REGISTRATION STATUS FROM MASTER'S TO DOCTORAL (RESEARCH MODE)***

6.1 Syarat Kelayakan Permohonan Penukaran Status

Eligibility Requirements for Status Conversion Application

Pelajar program sarjana secara penyelidikan boleh dipertimbangkan untuk memohon naik taraf tahap pengajian ke program Kedoktoran, sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

Candidates enrolled in a Master's research programme may be considered for an upgrade of their study level to the Doctoral programme, provided that they satisfy the following requirements:

- 6.1.1 Memperoleh CGPA sekurang-kurangnya 3.00 semasa di peringkat sarjana muda;
Have obtained a CGPA of at least 3.00 at the undergraduate level;
- 6.1.2 Memperolehi persetujuan bertulis daripada penyelia;
Obtain written approval from the supervisor;
- 6.1.3 Telah menerbitkan karya sebagai penulis pertama atau penulis utama (corresponding author), dengan sekurang-kurangnya **SATU (1)** penerbitan yang diindeks oleh Scopus;
*Have successfully published as the first author or corresponding author, with at least **ONE (1)** publication indexed in Scopus;*
- 6.1.4 UTHM mesti dinyatakan sebagai afiliasi pertama dalam penerbitan yang berjaya diterbitkan, dan nama Penyelia Utama mestilah direkodkan sebagai penulis pertama atau penulis utama;
UTHM must be listed as the primary affiliation in any successfully published work, and the name of the Main Supervisor must be recorded as the first author or corresponding author;
- 6.1.5 Permohonan bagi pertukaran status pendaftaran daripada Sarjana kepada Kedoktoran (Mod Penyelidikan) hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan seterusnya memperoleh kelulusan muktamad daripada Senat Universiti tidak lewat daripada semester kedua tempoh pengajian.
The application for the conversion of registration status from Master's to Doctoral (Research Mode) shall be submitted for consideration and shall obtain final approval from the University Senate no later than the second semester of the period of study.

6.2 Penilaian Naik Taraf Tahap Pengajian (PNTP)

Assessment for Study Level Upgrade (PNTP)

- 6.2.1 Pelajar hendaklah menduduki serta memenuhi syarat lulus bagi sesi pembentangan cadangan penyelidikan, yang seterusnya perlu diperakukan oleh panel penilai di peringkat Fakulti.

The candidate shall be required to undergo and fulfil the prescribed passing requirements of the research proposal presentation session, which shall thereafter be endorsed by the evaluation panel at the Faculty level.

- 6.2.2 PNTP hendaklah dikendalikan oleh pihak Fakulti dan terdiri daripada sekurang-kurangnya **DUA (2)** orang Panel Penilai Dalam yang dilantik oleh Fakulti berdasarkan bidang kepakaran yang mempunyai hubungan langsung dengan tesis pelajar.

*The PNTP shall be administered by the Faculty and shall comprise at least **TWO (2)** Internal Examiners appointed by the Faculty on the basis of areas of expertise directly relevant to the candidate's thesis.*

- 6.2.3 Perakuan PNTP yang dikemukakan oleh Fakulti kepada Pusat Pengajian Siswazah hendaklah disertakan bersama-sama dengan Borang Penilaian Pembentangan Cadangan Penyelidikan dan Borang Penilaian Naik Taraf Tahap Pengajian, sebagai dokumen sokongan rasmi bagi tujuan pengesahan dan rekod universiti.

The PNTP endorsement submitted by the Faculty to the Centre for Graduate Studies shall be accompanied by the Research Proposal Presentation Assessment Form and the Study Level Upgrading Assessment Form, serving as official supporting documents for the purposes of verification and university records.

- 6.2.4 Syarat kelayakan bagi pertukaran status pendaftaran daripada Sarjana ke Kedoktoran (Mod Penyelidikan) ialah pelajar hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya 80 markah bagi penilaian PNTP.

The eligibility requirement for the conversion of registration status from Master's to Doctorate (Research Mode) is that the candidate shall obtain a minimum of 80 marks in the PNTP assessment.

- 6.2.5 Pelajar yang memenuhi syarat lulus, yang merupakan syarat mandatori bagi kelayakan rasmi pertukaran status pendaftaran, akan dibenarkan menukar tahap pengajian ke peringkat Kedoktoran (Mod Penyelidikan), tertakluk kepada kelulusan Senat.

Candidates who satisfy the passing requirements, which constitute a mandatory criterion for formal eligibility for the status conversion, shall be permitted to upgrade their registration status to the Doctoral level (Research Mode), subject to the approval of the Senate.

- 6.2.6 Pelajar Sarjana yang tidak diperakukan oleh Senat untuk menaik taraf tahap pengajian ke peringkat Kedoktoran (Mod Penyelidikan) akan meneruskan pengajian pada peringkat Sarjana.

Master's candidates who are not endorsed by the Senate for the upgrading of their study level to the Doctoral level (Research Mode) shall continue their studies at the Master's level.

- 6.3 Tempoh pengajian yang telah digunakan pada peringkat Sarjana akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian keseluruhan bagi tujuan penentuan tempoh pengajian pada peringkat Kedoktoran (Mod Penyelidikan).

The period of study undertaken at the Master's level will be taken into account as part of the total duration of study for the purpose of determining the period of study at the Doctoral level (Research Mode).

7.0 LALUAN PANTAS *FAST TRACK*

- 7.1 Graduan Sarjana Muda yang memperoleh PNGK sekurang-kurangnya 3.67 layak untuk memohon kemasukan ke program Kedoktoran melalui laluan pantas.

Bachelor's degree graduates who attain a minimum CGPA of 3.67 shall be eligible to apply for admission to the Doctoral programme via the fast track.

- 7.2 Syarat lantikan bagi Panel Temuduga dan Penyelia adalah seperti berikut:

The appointment requirements for the Interview Panel and Supervisors are as follows:

- 7.2.1 Staf Akademik yang berada pada gred DS13 dan ke atas.

Academic Staff holding grade DS13 and above.

- 7.2.2 Pakar dalam bidang penyelidikan yang dipohon.

An expert in the relevant field of research applied for.

- 7.2.3 Telah menggraduankan sekurang-kurangnya **DUA (2)** pelajar PhD sebagai Penyelia Utama.

*Has successfully graduated at least **TWO (2)** PhD candidates as the Principal Supervisor.*

- 7.2.4 Mempunyai H-Index (Scopus) seperti yang berikut:

Possesses an H-Index (Scopus) as follows:

Bidang Akademik <i>Academic Field</i>	H-Index (Scopus) <i>H-Index (Scopus)</i>
Sains / Teknologi <i>Science / Technology</i>	Sekurang-kurangnya 4 <i>A minimum of 4</i>
Kejuruteraan / Teknologi Kejuruteraan <i>Engineering / Engineering Technology</i>	Sekurang-kurangnya 4 <i>A minimum of 4</i>
Sains Sosial <i>Social Science</i>	Sekurang-kurangnya 2 <i>A minimum of 2</i>

- 7.3 Purata markah lulus bagi sesi temuduga untuk kelayakan penawaran ke program Kedoktoran (Mod Penyelidikan) melalui laluan pantas ialah sekurang-kurangnya 85 markah.

The minimum passing average for the interview session for eligibility to be offered admission to the Doctoral programme (Research Mode) via the accelerated track is 85 marks.

- 7.4 Pelajar yang tidak mencapai purata markah lulus bagi sesi temuduga akan ditawarkan kemasukan ke program Sarjana (Mod Penyelidikan).

Candidates who do not attain the minimum passing average in the interview session shall be offered admission to the Master's programme (Research Mode).

- 7.5 Permohonan pertukaran penyelia bagi pelajar yang mengikuti Program Kedoktoran secara laluan pantas hanya akan dipertimbangkan sekiranya calon penyelia baharu memenuhi kriteria penyelia seperti yang dinyatakan dalam **Klausa 7.2.4**.

*Applications for a change of supervisor for students enrolled in the Fast-Track Doctoral Program shall only be considered if the proposed new supervisor satisfies the supervision criteria as set out in **Clause 7.2.4**.*

8.0 PENDAFTARAN KURSUS ***COURSE REGISTRATION***

- 8.1 Pendaftaran kursus bagi setiap semester adalah wajib bagi semua pelajar dan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh yang ditentukan oleh Universiti.

Course registration each semester is mandatory for all students and must be completed within the timeframe established by the University.

- 8.2 Pelajar Mod Penyelidikan diwajibkan mendaftar setiap semester sepanjang tempoh pengajian, selaras dengan syarat dan tarikh yang ditetapkan oleh Universiti sehingga keputusan peperiksaan lisan diperakukan oleh Senat.

Research-mode students are required to register each semester throughout the duration of their studies, in accordance with the requirements and deadlines set by the University, until the oral examination results are endorsed by the Senate.

- 8.3 Pendaftaran kursus bagi pelajar antarabangsa adalah tertakluk kepada semua peraturan yang berkuat kuasa oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan Senat Universiti.

Course registration for international students is subject to all regulations currently in force by the Malaysian Immigration Department and the University Senate.

- 8.4 Pelajar yang diwajibkan mengikuti kursus prasyarat mesti mendaftar serta lulus kursus prasyarat tersebut dalam selang waktu yang ditetapkan oleh Universiti.

Students required to undertake prerequisite courses must register for and pass such courses within the timeframe prescribed by the University.

- 8.5 Pelajar baharu diwajibkan membuat pendaftaran kursus dalam tempoh **TIGA (3)** hari bekerja bermula dari tarikh pendaftaran rasmi program.

*New students are obliged to complete course registration within **THREE (3)** working days from the official date of registration.*

- 8.6 Pendaftaran Berdenda

Registration with Penalty

- 8.6.1 Pendaftaran kursus yang dikemukakan dalam minggu pertama sesi akademik diklasifikasikan sebagai Pendaftaran Berdenda. Bagi setiap kursus yang didaftarkan dalam tempoh tersebut, caj penalti sebanyak RM50.00 akan dikenakan oleh Universiti.

Course registrations submitted during the first week of the academic session are classified as Registration with Penalty. A penalty of RM50.00 per course will be imposed by the University for registrations made within this period.

- 8.6.2 Bagi pelajar yang masih belum mendaftar kursus bagi semester semasa, Pendaftaran Berdenda hendaklah diselesaikan selewat-lewatnya pada hari terakhir bekerja minggu kedua semester tersebut.

For students who have yet to enroll in courses for the current semester, Registration with Penalty should be completed no later than the last working day of the second week of the semester.

- 8.6.3 Pendaftaran kursus bagi pelajar Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran **TIDAK DIBENARKAN** dibuat selepas tempoh Pendaftaran Berdenda tamat.

*Course registration for students in the Coursework and Mixed Modes **SHALL NOT BE PERMITTED** beyond the Registration with Penalty period.*

- 8.7 Pendaftaran Lewat Berdenda
Late Registration with Penalty

- 8.7.1 Permohonan pendaftaran kursus yang dikemukakan selepas tempoh Pendaftaran Berdenda diklasifikasikan sebagai Pendaftaran Lewat Berdenda. Caj penalti sebanyak RM100.00 bagi setiap kursus yang didaftarkan lewat akan dikenakan, dengan jumlah maksimum caj adalah RM500.00.

Course registration applications submitted after the Late Registration period are classified as Late Registration with Penalty. A penalty of RM100.00 per course shall be imposed for late registration, with a maximum total penalty of RM500.00.

- 8.7.2 Pelajar yang gagal mendaftar sebarang kursus bagi semester semasa tanpa alasan yang diterima oleh Universiti akan diberikan status **AKTIF TIDAK MENDAFTAR** dan tindakan pemberhentian daripada pengajian boleh dikenakan.

*Students who fail to register for any courses in the current semester without a reason accepted by the University shall be assigned the status of **ACTIVE NON-REGISTRATION**, and termination from the programme may be enforced.*

- 8.7.3 Bagi pelajar yang masih belum mendaftar kursus bagi semester semasa, Pendaftaran Lewat Berdenda hendaklah diselesaikan selewat-lewatnya pada hari terakhir bekerja minggu kelima semester tersebut.

For students who have yet to enrolled in courses for the current semester, Late Registration with Penalty should be completed no later than the last working day of the fifth week of the semester.

9.0 **PEMBETULAN PENDAFTARAN KURSUS** ***AMENDMENT OF COURSE REGISTRATION***

- 9.1 Pembetulan Pendaftaran Kursus merujuk kepada:

Amendment of Course Registration refers to:

- 9.1.1 Penambahan kursus ke dalam senarai pendaftaran yang telah dibuat sebelumnya

Addition of courses to the previously submitted registration list

- 9.1.2 Pengguguran kursus daripada senarai pendaftaran yang telah dibuat sebelumnya

Withdrawal of courses from the previously submitted registration list

- 9.1.3 Melakukan pindaan pendaftaran melalui proses penambahan dan pengguguran kursus yang didaftarkan secara tidak tepat
Amendment of registration through the process of adding and withdrawing courses that were incorrectly registered
- 9.1.4 Melakukan pindaan terhadap status UK, HW, dan HS, atau
Making amendments to the status of UK, HW, and HS, or
- 9.1.5 Melakukan pindaan terhadap seksyen
Amendment of section
- 9.2 Pelajar boleh memohon untuk meminda pendaftaran kursus melalui kemudahan dalam talian yang disediakan. Tarikh tutup bagi Pindaan Pendaftaran Kursus ialah pada hari terakhir bekerja minggu **PERTAMA (1)** semester berkenaan. Bagi kes yang terkandung di bawah Peraturan 9.1.5, tarikh tutup ditetapkan pada hari terakhir bekerja minggu ke-**DUA (2)** semester berkenaan.
*Students may apply to amend their course registration using the online facilities provided. The deadline for Course Registration Amendments shall be on the last working day of the **FIRST (1)** week of the respective semester. For cases under Regulation 9.1.5, the deadline shall be on the last working day of the **SECOND (2)** week of the respective semester.*
- 9.3 Pelajar dikehendaki meminda sebarang kesilapan dalam rekod pendaftaran kursus. Kegagalan untuk membuat pindaan pendaftaran kursus boleh menyebabkan pelajar menghadapi implikasi berikut:
Students are required to amend any errors in their course registration records. Failure to amend course registration may result in students facing the following consequences.
- 9.3.1 Kesilapan pada rekod akademik pelajar dan;
Errors in the student's academic record and;
- 9.3.2 Keputusan peperiksaan pelajar akan digantung
The student's examination results shall be withheld

- 9.4 Borang Pindaan Pendaftaran Kursus yang diterima oleh Fakulti selepas tamat tempoh Pindaan Pendaftaran Kursus hanya akan dipertimbangkan sekiranya pelajar menjelaskan bayaran denda yang ditetapkan (Pindaan Berdenda). Kadar bayaran denda ditetapkan sebanyak RM50.00 bagi setiap kursus. Tempoh Pindaan Berdenda adalah terhad kepada minggu ke-**DUA (2)** pengajian semester berkenaan sahaja.

*Course Registration Amendment forms received by the Faculty after the deadline for Course Registration Amendments shall only be considered if the student settles the prescribed penalty fee (Amendment with Penalty). The penalty fee is set at RM50.00 per course. The Amendment with Penalty period is limited to the **SECOND (2nd)** week of the respective semester.*

- 9.5 Selepas tamat tempoh Pindaan Berdenda, permohonan pindaan pendaftaran hanya akan dipertimbangkan untuk pengguguran kursus daripada senarai pendaftaran yang telah disahkan. Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar dikenakan penalti sebanyak RM100.00 bagi setiap kursus yang digugurkan, dengan jumlah maksimum penalti tidak melebihi RM500.00.

Upon the expiry of the Amendment with Penalty period, course registration amendment requests shall only be considered for the withdrawal of courses from the confirmed registration list. If approved, students shall incur a penalty of RM100.00 per withdrawn course, with the total penalty not exceeding RM500.00.

- 9.5.1 Pelajar tidak dibenarkan membuat pertukaran kursus atau seksyen setelah tamat tempoh Pindaan Berdenda.

Students shall not be permitted to change courses or sections beyond the expiry of the Amendment with Penalty period.

10.0 TARIK DIRI KURSUS (TD) ***COURSE WITHDRAWAL (TD)***

- 10.1 Pelajar dibenarkan memohon Tarik Diri (TD) bagi mana-mana kursus yang telah didaftarkan setelah persetujuan Penyelia atau Ketua Program diperoleh. Tempoh TD yang dibenarkan adalah selaras dengan jadual

rasmi yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Siswazah, iaitu dari minggu ke-**TUJUH (7)** hingga minggu ke-**SEMBILAN (9)** semester berkenaan. Status TD akan direkodkan pada slip pendaftaran kursus dan transkrip akademik. Bagi setiap kursus yang diberikan status TD, penandaan Bawa Hadapan (BH) akan dipaparkan pada slip keputusan peperiksaan, kecuali bagi kursus elektif.

Students are permitted to apply for Course Withdrawal (TD) for any registered course upon obtaining approval from the Supervisor or Head of Programme. The approved TD period shall follow the official schedule established by the Centre for Graduate Studies, covering the SEVENTH (7th) to the NINETH (9th) week of the relevant semester. The TD status shall be recorded on the course registration slip and the academic transcript. Each course carrying a TD status shall be marked as Carried Forward (BH) on the examination result slip, except for elective courses.

- 10.2 Pelajar **DIBENARKAN** untuk mengemukakan permohonan Tarik Diri (TD) daripada sesuatu kursus hanya selepas keperluan minimum kredit pendaftaran yang ditetapkan dalam **Jadual 3** dipenuhi sepenuhnya.

*Students **SHALL BE PERMITTED** to submit a Course Withdrawal (TD) request for any course only after the minimum registration credit requirement specified in **Table 3** has been fully satisfied.*

- 10.3 Sebarang permohonan Tarik Diri (TD) yang dikemukakan selepas tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang diterima akan dikenakan penalti sebanyak RM100.00 bagi setiap kursus.

Any Course Withdrawal (TD) request submitted beyond the prescribed period without an acceptable justification shall be subject to a penalty of RM100.00 per course.

11.0 ULANG KURSUS (UK) COURSE RETAKE (UK)

- 11.1 Kursus teras yang gagal hendaklah diulang sehingga keputusan lulus dicapai. PNG dan PNGK akan dikira berdasarkan kredit dan nilai mata bagi kursus yang diulang pada kali terakhir dan direkodkan sebagai

keputusan rasmi akademik. Semua kredit dan nilai mata daripada pengulangan terdahulu dibatalkan dan tidak akan diambilkira dalam pengiraan PNG dan PNGK.

Core courses that are failed must be retaken until a passing grade is achieved. GPA and CGPA shall be calculated based on the credits and grade points of the most recent retake and shall be recorded as official academic results. All credits and grade points from previous retakes shall be nullified and shall not be included in the calculation of GPA and CGPA.

- 11.2 Kursus elektif yang gagal boleh diganti dengan kursus elektif lain bagi tujuan melengkapkan jumlah kredit untuk bergraduan.

Elective courses that are failed may be substituted with other elective courses for the purpose of fulfilling the credit requirements for graduation.

- 11.3 Pelajar dibenarkan mengulang kursus Projek Sarjana I dan II serta Disertasi I dan II, terhad kepada **DUA (2)** kali sahaja. Sekiranya pelajar masih gagal pada pengulangan kedua kursus tersebut, pelajar akan dicatatkan dengan status Kedudukan Gagal (KG).

*Students are permitted to retake Master's Project I and II and Dissertation I and II, limited to **TWO (2)** attempts only. Should the student fail on the second retake of the course, the student shall be recorded with a Failed Status (KG).*

12.0 KEHADIRAN

ATTENDANCE

- 12.1 Pelajar dikehendaki menghadiri sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah jam pertemuan yang ditetapkan bagi setiap kursus kuliah atau amali, termasuk kursus Hadir Wajib (HW) dan Hadir Sahaja (HS).

Students are required to attend no less than 80% of the scheduled contact hours for each lecture or practical course, including courses designated as Mandatory Attendance (HW) and Attendance Only (HS).

- 12.2 Pelajar yang mendaftar dalam Program Pendidikan Terbuka dan Jarak Jauh dikehendaki menghadiri sekurang-kurangnya 80% daripada sesi PdP, sama ada bersemuka atau tidak bersemuka. Kehadiran akan dinilai dan disahkan berdasarkan penglibatan pelajar dalam Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS), termasuk tetapi tidak terhad kepada menonton rakaman video, menyertai tutorial bersemuka, dan menyiapkan pentaksiran berterusan melalui LMS. Kegagalan mematuhi keperluan kehadiran ini boleh dikenakan tindakan akademik yang sewajarnya.

Students enrolled in the Open and Distance Learning Program should attend no less than 80% of teaching and learning sessions, whether face-to-face or online. Attendance shall be assessed and verified based on the student's engagement within the Learning Management System (LMS), including but not limited to viewing recorded lectures, participating in face-to-face tutorials, and completing continuous assessments via the LMS. Failure to comply with this attendance requirement may result in appropriate academic sanctions.

- 12.3 Sekiranya pelajar gagal memenuhi peratus kehadiran seperti yang ditetapkan di **Klausu 12.1** bagi mana-mana kursus tanpa alasan yang diterima oleh Universiti, pelajar **TIDAK DIBENARKAN** menduduki peperiksaan akhir bagi kursus tersebut dan akan diberikan markah 0 (Gred E) bagi kursus berkenaan atau Hadir Gagal (HG) bagi kursus Hadir Wajib (HW).

*Should a student fail to meet the attendance requirement as stipulated in **Clause 12.1** for any course without justification accepted by the University, the student **SHALL NOT BE PERMITTED** to sit for the examination of the said course and shall be assigned a mark of 0 (Grade E) for the course concerned or Attendance Fail (HG) for Mandatory Attendance (HW) courses.*

- 12.4 Penilaian terhadap pencapaian hasil pembelajaran (*Learning Outcome*) pelajar penyelidikan akan dijalankan pada penghujung setiap semester oleh fakulti melalui proses penilaian;

Assessment of the achievement of Learning Outcomes for research students shall be conducted at the end of each semester by the faculty through an evaluation process;

12.4.1 Pembentangan Cadangan Penyelidikan

Research Proposal Presentation

12.4.2 Penilaian Kemajuan Penyelidikan

Evaluation of Research Progress

12.4.3 Pembentangan Pra-Peperiksaan Lisan

Pre-Viva Presentation

- 12.5 Pelajar yang mendaftar dalam program pascasiswazah mod penyelidikan hendaklah mematuhi tempoh permastautin yang telah ditetapkan oleh Universiti.

Students enrolled in a postgraduate research programme are required to comply with the prescribed residency duration as stipulated by the University.

- 12.6 Calon yang diperakukan oleh Fakulti boleh dianggap telah memenuhi syarat tempoh permastautin yang dinyatakan dalam **Klausa 12.5**, dengan syarat bahawa mereka telah menjalani penilaian formatif terhadap pencapaian hasil pembelajaran seperti yang diperuntukkan dalam **Klausa 12.4** pada setiap semester.

*Candidates approved by the Faculty may be deemed to have satisfied the residency requirement specified in clause 12.5, provided that they have undergone formative assessment of learning outcomes as stipulated in **Clause 12.4** for each semester.*

13.0 BEBAN AKADEMIK

ACADEMIC LOAD

- 13.1 Jumlah kredit maksimum yang dibenarkan setiap semester lazim ialah **DUA PULUH (20)** kredit bagi calon sepenuh masa dan **DUA BELAS (12)** kredit bagi calon separuh masa.

*The maximum number of credits permitted per regular semester shall be **TWENTY (20)** credits for full-time candidates and **TWELVE (12)** credits for part-time candidates.*

- 13.2 Penetapan had maksimum kredit bagi program yang dijalankan dalam semester pendek adalah sebanyak **LAPAN (8)** kredit bagi calon sepenuh masa dan **EMPAT (4)** kredit bagi calon separuh masa. Had kredit yang dinyatakan ini tidak terpakai bagi projek penyelidikan atau disertasi sarjana.

*The maximum credit load for programmes conducted during a short semester is set at **EIGHT (8)** credits for full-time candidates and **FOUR (4)** credits for part-time candidates. The aforementioned credit limitation does not apply to master's research projects or dissertations.*

- 13.3 Pendaftaran kursus melebihi had maksimum kredit boleh **DIBENARKAN** dengan kelulusan Dekan Fakulti, seperti yang termaktub dalam **Jadual 3**.

*Enrollment in courses exceeding the prescribed maximum credit load may be **PERMITTED** subject to the approval of the Faculty Dean, as set out in **Table 3**.*

- 13.4 Pusat Pengajian Siswazah, tertakluk kepada kelulusan Senat, boleh membenarkan pengecualian terhadap had kredit minimum dan maksimum yang ditetapkan bagi calon yang berada di semester maksimum dan/atau semester akhir, dan/atau yang telah menghabiskan baki tempoh pengajian.

Centre for Graduate Studies, subject to the approval of the Senate, may authorize exemptions from the established minimum and maximum credit limits for candidates who are in their maximum or final semester, and/or who have exhausted their remaining study period.

- 13.5 Tempoh maksimum pengajian bagi calon mod penyelidikan adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam **Jadual 1**. Permohonan pelanjutan semester tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan, dan calon yang gagal menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan akan direkodkan dengan Kedudukan Gagal (KG).

*The maximum period of study for candidates in the research mode shall be as specified in **Table 1**. Applications for an extension of the semester shall not be permitted except with approval, and candidates who fail to*

complete their studies within the prescribed period shall be recorded with a Failed Status (KG).

14.0 PEMINDAHAN KREDIT

CREDIT TRANSFER

14.1 Pindah kredit boleh dilaksanakan bagi **LIMA (5)** kategori berikut:
Credit transfer can be implemented under the following FIVE (5) categories:

14.1.1 Pindah kredit secara menegak merujuk kepada pindah kredit daripada peringkat Sarjana ke peringkat Kedoktoran, terhad kepada kursus Metodologi Penyelidikan sahaja.

Vertical Transfer refers to the transfer of credits from the master's level to the doctoral level, limited to the Research Methodology course only.

14.1.2 Pindah kredit secara mendatar merujuk kepada pemindah kredit daripada program yang berada pada tahap kelayakan yang sama, contohnya daripada program sarjana ke program sarjana lain, atau daripada program kedoktoran ke program kedoktoran lain.

Horizontal credit transfer refers to the transfer of credits between programs at the same qualification level, for example, from a master's program to another master's program, or from a doctoral program to another doctoral program.

14.1.3 Pindah kredit bagi kursus yang diambil secara sendiri, termasuk tetapi tidak terhad kepada Massive Open Online Course (MOOC) dan Pentauliahahan Mikro (Microcredentials) atau kursus setara.

Credit transfer for courses undertaken independently, including but not limited to Massive Open Online Courses (MOOCs) and Microcredentials or equivalent courses.

14.1.4 Pindah kredit melalui Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (Accreditation of Prior Experiential Learning, APEL (C)).

Credit transfer via Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL (C)).

14.1.5 Pindah kredit melalui program integrasi daripada program akademik Sarjana Muda ke Sarjana, merujuk kepada Garis Panduan Program Integrasi Sarjana Muda dan Sarjana.

Credit transfer through an integrated program from a Bachelor's to a Master's program, in accordance with the Guidelines for the Integrated Bachelor's and Master's Program.

14.2 Pindah kredit adalah dibenarkan dan boleh dilaksanakan melalui kaedah-kaedah berikut:

Credit transfer is hereby permitted and may be affected through the following mechanisms:

14.2.1 Pindah kredit dengan gred, iaitu pindah kredit yang merangkumi gred yang telah diperolehi dan akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.

Credit transfer with grades, whereby the transferred credits include the grades obtained and shall be accounted for in the calculation of the GPA and CGPA.

14.2.2 Pindah kredit tanpa gred, iaitu pindah kredit yang diberikan status Pengecualian Kredit.

Credit transfer without grades, whereby the transferred credits are granted Exemption Credit status.

14.3 Syarat-syarat umum dan prosedur pelaksanaan pindah kredit adalah ditetapkan dan digariskan dalam Garis Panduan Pindah Kredit UTHM.

The general conditions and procedures governing the implementation of credit transfer are established and prescribed in the UTHM Credit Transfer Guidelines.

15.0 PENANGGUHAN, PENGGANTUNGAN, DAN PEMBERHENTIAN PENGAJIAN

DEFERMENT, SUSPENSION, AND TERMINATION OF STUDIES

15.1 Penangguhan Pengajian

Deferment of Studies

15.1.1 Penangguhan Pengajian Atas Alasan Kesihatan

Deferment of Studies on Health Grounds

- (i) Pelajar dibenarkan mengemukakan permohonan penangguhan pengajian kepada Pusat Pengajian Siswazah (PPS), tertakluk kepada penyerahan surat pengesahan atau laporan perubatan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan berdaftar dan diperakukan oleh Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan.

Student shall be permitted to submit an application for deferment of studies to Centre for Graduate Studies (CGS), subject to the submission of a medical certification letter or medical report issued by a registered medical practitioner and duly endorsed by the University Medical Officer or a Government Hospital.

- (ii) Penangguhan pengajian yang diluluskan atas alasan sakit (tidak termasuk alasan bersalin) tidak akan diambil kira bagi tujuan pengiraan bilangan semester yang telah digunakan.

Deferment of studies approved on the grounds of illness (excluding reasons related to maternity) shall not be counted for the purpose of calculating the number of semesters utilized.

15.1.2 Penangguhan Pengajian Atas Sebab Kepentingan Negara

Deferment of Studies on National Interest Grounds

- (i) Pelajar dibenarkan mengemukakan permohonan kepada Pusat Pengajian Siswazah (PPS) bagi penangguhan pengajian atas sebab kepentingan Negara, tertakluk kepada penyerahan dokumen sokongan yang relevan dan kelulusan oleh Senat Universiti.

Student shall be permitted to submit an application to the Centre for Graduate Studies (CGS) for deferment of studies on the grounds of national interest, subject to the submission of relevant supporting documents and approval by the University Senate.

- (ii) Penangguhan pengajian yang diluluskan atas sebab kepentingan Negara tidak akan diambil kira bagi tujuan pengiraan bilangan semester yang telah digunakan.

Deferment of studies approved on the grounds of national interest shall not be counted for the purpose of calculating the number of semesters utilized.

15.1.3 Penangguhan Pengajian Atas Sebab Peribadi

Deferment of Studies on Personal Grounds

- (i) Pelajar dibenarkan memohon penangguhan pengajian bagi sebab-sebab selain yang dinyatakan dalam klausa 15.1.1 dan 15.1.2, tertakluk kepada kelulusan penaja (jika berkenaan).

Student shall be permitted to apply for deferment of studies for reasons other than those specified in clauses 15.1.1 and 15.1.2, subject to the approval of the sponsor (if applicable).

- (ii) Pertimbangan kepada permohonan penangguhan pengajian atas sebab peribadi adalah terhad kepada kes-kes yang melibatkan masalah kewangan, penyakit, atau kematian ahli keluarga terdekat, yang bagi tujuan peraturan ini ditakrifkan secara khusus sebagai ibu bapa, pasangan, anak, atau adik-beradik kandung sahaja.

Consideration of applications for deferment of studies on personal grounds is limited to instances involving financial difficulties, illness, or the death of immediate family members, which for the purposes of these regulations is expressly defined as parents, spouse, children, or biological siblings only.

- (iii) Pelajar dibenarkan menangguhkan pengajian atas sebab peribadi, tertakluk kepada tempoh maksimum **DUA (2)** semester lazim berturut-turut.

*Student(s) shall be permitted to defer studies on personal grounds, subject to a maximum period of **TWO (2)** consecutive regular semesters.*

- (iv) Permohonan penangguhan hanya akan diproses sekiranya pelajar berstatus **AKTIF** pada tarikh permohonan dikemukakan.

*Applications for deferment shall only be processed if the student holds **ACTIVE** status on the date of submission.*

- (v) Pelajar kanan yang bercadang menangguhkan pengajian bagi semester berikutnya hendaklah mengemukakan permohonan penangguhan sekurang-kurangnya **DUA (2)** minggu sebelum tarikh permulaan semester. Penangguhan yang dikemukakan mengikut tempoh ini tidak akan dikenakan sebarang caj yuran.

*Students intending to defer study for the forthcoming semester shall submit their deferment application no less than **TWO (2)** weeks prior to the commencement date of*

the semester. Deferments submitted within this period shall not attract any tuition fees.

- (vi) Permohonan penangguhan pengajian bagi semester semasa yang dikemukakan dalam tempoh minggu **PERTAMA** hingga minggu ke-**TUJUH** akan dikenakan bayaran sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada jumlah caj yuran penuh.

*Deferment applications for the current semester submitted within the period from the **FIRST** week to the **SEVENTH (7th)** week shall be subject to fifty percent (50%) of the total tuition fees.*

- (vii) Permohonan penangguhan pengajian bagi semester semasa yang dikemukakan melangkaui minggu ke-**TUJUH (7)** akan dikenakan caj yuran penuh.

*Applications for deferment of studies for the current semester submitted beyond the **SEVENTH (7th)** week will be liable for the full tuition fees.*

- (viii) Tempoh bagi permohonan penangguhan pengajian bagi Semester Semasa adalah terhadap kepada minggu ke-**SEPULUH (10)**, merujuk kepada kalendar akademik pascasiswazah.

*The period for submission of applications for deferment of studies for the current semester shall be limited to the **TENTH (10th)** week, as specified in the postgraduate academic calendar.*

- (ix) Semua tempoh penangguhan yang diluluskan akan diambil kira bagi maksud pengiraan bilangan semester yang telah digunakan.

All approved periods of deferment shall be taken into account for the purpose of calculating the number of semesters utilised.

- (x) Permohonan penangguhan pengajian bagi pelajar pascasiswazah hanya akan dipertimbangkan setelah pelajar menamatkan sekurang-kurangnya **SATU (1)** semester pengajian.

*Applications for deferment of studies for postgraduate students shall only be considered once the student has completed at least **ONE (1)** semester of study.*

- (xi) Pelajar yang berada di semester maksimum dan/atau semester akhir pengajian, serta/atau yang tidak mempunyai baki tempoh semester pengajian, **TIDAK DIBENARKAN** untuk menangguhkan pengajian.

*Student(s) who are in the maximum semester and/or final semester of study, and/or who do not have any remaining semesters, shall **NOT BE PERMITTED** to defer their studies.*

- (xii) Bilangan semester yang dibenarkan untuk ditangguh bagi pelajar tempatan adalah terhad kepada separuh daripada bilangan semester maksimum pengajian, sebagaimana yang ditetapkan dalam **Jadual 1**.

*The number of semesters permitted for deferment for local student(s) shall be limited to half of the maximum number of semesters of study, as stipulated in **Table 1**.*

- (xiii) Bilangan semester yang dibenarkan untuk ditangguh bagi pelajar antarabangsa adalah terhad kepada **DUA (2)** semester sahaja tertakluk kepada sebarang pindaan terkini yang sedang berkuat kuasa dan digunapakai oleh *Education Malaysia Global Services (EMGS)*.

*The number of semesters permitted for deferment by international students is limited to **TWO (2)** semesters only, subject to any latest amendments currently in force and applied by *Education Malaysia Global Services (EMGS)*.*

15.1.4 Pelajar yang berstatus tangguh pengajian **TIDAK LAYAK** untuk menggunakan sebarang kemudahan dan perkhidmatan Universiti, termasuk menerima penyeliaan serta mengakses *Learning Management System* (LMS) bagi pelajar ODL.

*Students holding deferred study status shall **NOT BE ELIGIBLE** to utilize any University facilities or services, including receiving supervision and accessing the Learning Management System (LMS) for ODL students.*

15.1.5 Permohonan penangguhan pengajian oleh Pelajar Antarabangsa, setelah disahkan oleh pihak Fakulti, hendaklah diajukan kepada Pejabat Antarabangsa terlebih dahulu sebelum diproses dan diluluskan oleh Pusat Pengajian Siswazah.

Applications for deferment of studies by International Students, having been verified by the Faculty, shall first be submitted to the International Office prior to being processed and approved by the Centre for Graduate Studies.

15.2 Penggantungan Pengajian

Suspension of Studies

15.2.1 Pelajar boleh dikenakan penggantungan pengajian atas sebab-sebab berikut:

Student(s) may be subjected to suspension of studies for the following reasons:

(i) Tindakan Tatatertib

Disciplinary Action

(ii) Arahan Universiti

Directive of the University

- 15.2.2 Tempoh penggantungan yang dikenakan tidak akan diambil kira bagi maksud pengiraan bilangan semester yang telah digunakan.

Any period of suspension imposed shall not be taken into account for the purpose of calculating the number of semesters utilised.

- 15.2.3 Pelajar yang dikenakan penggantungan pengajian tidak akan diberikan akses kepada mana-mana kemudahan atau perkhidmatan Universiti, termasuk menerima penyeliaan serta mengakses *Learning Management System* (LMS) bagi pelajar ODL.

Students placed under suspension of studies shall not be granted access to any University facilities or services, including the receipt of supervision and access to the Learning Management System (LMS) for ODL students.

15.3 Pemberhentian Pengajian

Termination of Studies

15.3.1 Berhenti dengan Izin

Withdrawal with Permission

- (i) Permohonan pemberhentian pengajian oleh pelajar boleh dikemukakan pada bila-bila masa kepada Pusat Pengajian Siswazah; **DAN**

An application for termination of studies by a student may be submitted at any time to Centre for Graduate Studies; AND

- (ii) Pelajar akan terus berstatus **AKTIF** sehingga permohonan tersebut diluluskan secara rasmi oleh Universiti.

Student(s) shall retain ACTIVE status until the application has been formally approved by the University.

15.3.2 Diberhentikan daripada Pengajian

Terminated from Studies

- (i) Universiti berhak menetapkan keputusan Kedudukan Gagal (KG) bagi pelajar yang memperoleh PNGK kurang daripada 3.00, termasuk pelajar dengan PNG dalam lingkungan 2.94 hingga kurang daripada 3.00 ($2.94 \leq \text{PNGK} < 3.00$).

The University is entitled to assign a Fail Standing (KG) to students attaining a CGPA below 3.00, including those with a GPA in the range of 2.94 to less than 3.00 ($2.94 \leq \text{CGPA} < 3.00$).

- (ii) Kedudukan Gagal (KG) akan diberikan kepada pelajar oleh Universiti sekiranya status akademik pelajar berada pada Kedudukan Bersyarat (KS) bagi **DUA (2)** semester berturut-turut.

*A Fail Standing (KG) shall be assigned to a student by the University if the student's academic status has been Conditional (KS) for **TWO (2)** consecutive semesters.*

- (iii) Pelajar yang tidak membuat sebarang pendaftaran kursus (aktif tidak mendaftar) bagi semester semasa akan diberikan Kedudukan Gagal (KG) oleh Universiti.

Students who do not register for any courses (active not registered) in the current semester shall be assigned a Fail Standing (KG) by the University.

- (iv) Pelajar kanan bagi Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran yang gagal mendaftar kursus sebelum minggu ke-**EMPAT (4)** bagi semester semasa akan diberikan Kedudukan Gagal (KG) dan **DIBERHENTIKAN** daripada pengajian oleh Universiti.

Senior students in the Coursework Mode and Mixed Mode who fail to register for courses before the

***FOURTH (4)** week of the current semester shall be assigned a Fail Standing (KG) and **TERMINATED FROM STUDIES** by the University.*

- (v) Pelajar Mod Kerja Kursus atau Mod Campuran yang mendaftar kursus projek sarjana atau disertasi hendaklah menyerahkan **SATU (1)** salinan laporan akhir berjilid dalam semester kursus tersebut didaftarkan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Kedudukan Gagal (KG) diberikan dan kursus berkenaan perlu diulang pada semester berikutnya.

*Students in the Coursework Mode or Mixed Mode who register for a master's project or dissertation course will submit **ONE (1)** bound copy of the final report within the semester in which the course is registered. Failure to comply with this requirement will result in a Fail Standing (KG) being imposed, and the course concerned should be repeated in the subsequent semester.*

- (vi) Pelajar kanan bagi Mod Penyelidikan yang gagal mendaftar kursus sebelum minggu ke-**SEPULUH (10)** bagi semester semasa akan diberikan Kedudukan Gagal (KG) dan **DIBERHENTIKAN** daripada pengajian oleh Universiti.

*Senior students in the Research Mode who fail to register for courses before the **TENTH (10)** week of the current semester shall be assigned a Fail Standing (KG) and **TERMINATED** from studies by the University.*

- (vii) Pelajar mod penyelidikan hendaklah menyelesaikan pembetulan tesis dalam tempoh yang ditetapkan oleh panel pemeriksa. Kegagalan menghantar pembetulan tesis dalam tempoh tersebut akan mengakibatkan pemberian Kedudukan Gagal (KG).

Research mode students are required to complete thesis corrections within the period stipulated by the examining

panel. Failure to submit the thesis corrections within the specified period will result in a Fail Standing (KG) being imposed.

- (viii) Pelajar Mod Penyelidikan yang gagal melengkapkan pentaksiran kemajuan penyelidikan bagi setiap semester sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Siswazah boleh diberikan Kedudukan Gagal (KG).

Research Mode students who fail to complete the research progress assessments for each semester as prescribed by the Centre for Graduate Studies may be assigned a Fail Standing (KG).

- 15.3.1 Pelajar bertanggungjawab sepenuhnya dan secara mutlak terhadap segala implikasi yang timbul daripada pemberhentian pengajian, sama ada dengan izin atau diberhentikan. Sebarang bayaran yang telah dibuat kepada Universiti tidak akan dikembalikan dalam apa jua keadaan.

Students shall bear full and absolute responsibility for all consequences arising from the termination of studies, whether with permission or mandatorily terminated. Any payments made to the University shall not be refunded under any circumstances.

- 15.3.4 Pelajar yang telah diberhentikan dibenarkan mengemukakan permohonan kemasukan baharu ke program akademik pascasiswazah melalui portal rasmi Universiti. Tawaran kemasukan adalah tertakluk kepada pematuhan kepada kriteria dan syarat kemasukan yang ditetapkan.

Students who have been terminated are permitted to submit a new application for admission to a postgraduate academic program through the University's official portal. Admission offers are subject to compliance with the prescribed entry criteria and requirements.

**16.0 LAPORAN PROJEK SARJANA / DISERTASI / TESIS
MASTER'S PROJECT / DISSERTATION / THESIS REPORT**

16.1 Format penulisan laporan projek sarjana, disertasi, atau tesis hendaklah mengikut Panduan Penulisan Tesis Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang sedang berkuat kuasa.

The format for writing master's project reports, dissertations, or theses shall comply with the Thesis Writing Guidelines of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia currently in force.

16.1.1 Pelajar mod penyelidikan dikehendaki menyerahkan tesis berjilid dalam tempoh **TIGA PULUH (30)** hari bekerja selepas kelulusan diberikan oleh Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah (JPS). Kegagalan mematuhi tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan denda sebanyak RM50.00 bagi setiap hari bekerja dikenakan ke atas akaun pelajar, dengan kadar maksimum RM1000.00.

*Research mode students are required to submit a bound thesis within **THIRTY (30)** working days following approval by the Standing Committee of the Graduate Studies Senate (JPS). Failure to comply with the prescribed time frame shall result in a penalty of RM50.00 per working day being charged to the students' account, with a maximum charge of RM1000.00.*

16.1.2 Status Kedudukan Baik Tamat Pengajian (KBTP) akan diberikan kepada pelajar yang telah menyerahkan tesis berjilid, tetapi masih belum memenuhi kesemua syarat penganugerahan.

Kedudukan Baik Tamat Pengajian (KBTP) shall be conferred upon students who have submitted a bound thesis but have yet to satisfied all requirements for the conferment of degree.

- 16.2 Pelajar yang mendaftar dalam Mod Penyelidikan boleh memilih untuk menulis tesis dengan merujuk kepada salah **SATU (1)** daripada gaya penulisan tesis yang ditetapkan seperti berikut:

*Students enrolled in the Research Mode may choose to write their thesis by referring to **ONE (1)** of the prescribed theses writing styles as follows:*

- 16.2.1 Penulisan Tesis Secara Konvensional;
Conventional Thesis Writing;

- 16.2.2 Penulisan Tesis Secara Penerbitan;
Thesis Writing by Publication;

- 16.2.3 Penulisan Tesis Secara Industri
Industry-Based Thesis Writing

- 16.3 Permohonan untuk meminda gaya penulisan tesis adalah terhadap kepada **SATU (1)** kali sahaja dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

*Applications to amend the thesis writing style are limited to **ONE (1)** time only and are subject to the following conditions:*

- 16.3.1 Permohonan untuk meminda gaya penulisan tesis hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengajian Siswazah melalui Fakulti untuk pertimbangan dan kelulusan.

Applications to amend the thesis writing style must be submitted to the Centre for Graduate Studies through the Faculty for consideration and approval.

- 16.3.2 Permohonan penulisan tesis secara penerbitan hanya akan dipertimbangkan sekiranya pelajar telah memenuhi syarat minimum penerbitan seperti yang ditetapkan dalam garis panduan penulisan tesis secara penerbitan yang sedang berkuat kuasa.

Applications for thesis writing by publication shall only be considered if the student has met the minimum publication

requirements as prescribed in the current guidelines for thesis writing by publication.

- 16.3.3 Permohonan penulisan tesis secara industri hanya akan dipertimbangkan sekiranya pelajar telah memenuhi syarat minimum hasil penyelidikan dan/atau kursus-kursus lain yang sedang berkuat kuasa seperti yang ditetapkan oleh Universiti.
Applications for industry-based thesis writing will only be considered if the student has met the minimum research outcomes and/or other course requirements currently in force as stipulated by the University.

16.4 Bilangan Muka Surat / Bilangan Patah Perkataan
Number of Pages / Number of Words

- 16.4.1 Bilangan muka surat dan patah perkataan bagi tesis, disertasi, atau projek sarjana adalah tertakluk kepada keperluan standard program masing-masing.
The number of pages and word count for a thesis, dissertation, or master's project are subject to the standard requirements of the respective program.

- 16.4.2 Bagi program yang tidak tertakluk kepada mana-mana standard program, bilangan patah perkataan minimum yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:
For programs not subject to any program-specific standards, the minimum word count that must be adhered to is as follows:

- (i) Program Sarjana Mod Kerja Kursus, Mod Campuran, dan Mod Penyelidikan
Master's Programs by Coursework, Mixed Mode, and Research Mode

Bilangan patah perkataan **MINIMUM** yang diwajibkan bagi laporan projek sarjana, disertasi, dan tesis ditetapkan sebanyak **35,000 patah perkataan**.

*The **MINIMUM** word count prescribed for a master's project report, dissertation, and thesis is **35,000 words**.*

- (ii) Doktor Falsafah dan Kedoktoran
Doctor of Philosophy and Doctorate

Bilangan patah perkataan **MINIMUM** bagi laporan projek, disertasi, dan tesis ditetapkan sebanyak **70,000 patah perkataan**.

*The **MINIMUM** word count for a project report, dissertation, and thesis is set at **70,000 words**.*

- 16.4.3 Pengiraan bilangan patah perkataan dan muka surat bagi laporan projek sarjana, disertasi, atau tesis hanya merangkumi kandungan utama dari Bab Pertama hingga Bab Kesimpulan dan tidak termasuk senarai rujukan serta lampiran.

The calculation of word count and pages for a master's project report, dissertation, or thesis shall only include the main content from the First Chapter to the Conclusion Chapter and shall exclude the reference list and appendices.

- 16.4.4 Permohonan kebenaran menulis laporan projek sarjana, disertasi, atau tesis melebihi had bilangan muka surat/patah perkataan hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengajian Siswazah melalui Fakulti bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan.

Applications for permission to write a master's project report, dissertation, or thesis exceeding the prescribed page/word limit must be submitted to the Centre for Graduate Studies through the Faculty for consideration and approval.

16.5 Bahasa Penulisan

Language of Writing

- 16.5.1 Laporan projek, laporan projek sarjana, disertasi, atau tesis hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
A project report, master's project report, dissertation, or thesis must be written in either Bahasa Melayu or English.
- 16.5.2 Penulisan laporan projek, laporan projek sarjana, disertasi, atau tesis dalam Bahasa Melayu hendaklah dimaklumkan kepada Pusat Pengajian Siswazah melalui Fakulti bagi tujuan rekod.
The writing of a project report, master's project report, dissertation, or thesis in Bahasa Melayu must be notified to the Centre for Graduate Studies through the Faculty for record-keeping purposes.
- 16.5.3 Penulisan laporan projek, laporan projek sarjana, disertasi, atau tesis dalam bahasa asing selain Bahasa Inggeris hendaklah mendapat perakuan Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah (JPS) dan kelulusan Senat Universiti.
The writing of a project report, master's project report, dissertation, or thesis in a foreign language other than English must obtain the endorsement of the Standing Committee of the Graduate Studies Senate (JPS) and approval from the University Senate.
- 16.5.4 Abstrak laporan projek sarjana, disertasi, atau tesis hendaklah ditulis dalam kedua-dua Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
The abstract of a master's project report, dissertation, or thesis must be written in both Bahasa Melayu and English.
- 16.5.5 Penukaran bahasa penulisan bagi laporan projek sarjana, disertasi, atau tesis dihadkan kepada **SATU (1)** kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

*The conversion of the language of writing for a master's project report, dissertation, or thesis are limited to **ONE (1)** time throughout the period of study.*

- 16.6 Pelajar Mod Penyelidikan dimestikan untuk mengemukakan draf akhir tesis kepada Fakulti masing-masing bagi tujuan semakan dan perakuan sebelum tesis tersebut dimajukan kepada Pusat Pengajian Siswazah untuk kelulusan Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah (JPS).

Students enrolling in the Research Mode are required to submit the final draft of the thesis to their respective Faculties for review and endorsement prior forwarding to Centre for Graduate Studies for approval by the Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah (JPS).

- 16.7 Pelajar dimestikan untuk menyerahkan salinan laporan projek sarjana, disertasi, atau tesis pada akhir tempoh program pengajian.

Students are required to submit a copy of the master's project report, dissertation, or thesis at the end of the programme of study.

16.7.1 Tesis

Thesis

- (i) Bagi Tujuan Peperiksaan Lisan

For the Purpose of the Oral Examination

Pelajar dimestikan untuk mengemukakan draf akhir tesis kepada Pusat Pengajian Siswazah melalui Fakulti masing-masing, dengan menyertakan perkara-perkara berikut:

Student(s) are required to submit the final draft of the thesis to Centre for Graduate Studies through their respective Faculties, together with the following:

- (a) Bukti bacaan pruf (salinan sijil atau resit)*.

Proof of proofreading (copy of certificate or receipt).*

- (b) Salinan keputusan indeks kesamaan (merujuk kepada Peraturan Pencegahan Plagiarisme yang sedang berkuat kuasa).

Copy of similarity index result (in accordance with the current Plagiarism Prevention Regulations).

* Pelajar yang bergraduat daripada universiti yang tersenarai dalam English Speaking Country boleh dipertimbangkan untuk dikecualikan daripada mengemukakan bukti bacaan prof.

** Student(s) who graduated from universities listed in English-speaking countries may be considered for exemption from submitting proofreading evidence.*

- (i) Bagi Tujuan Graduan

For Graduation Purposes

Pelajar dimestikan untuk mengemukakan dokumen berikut kepada Pusat Pengajian Siswazah:

Students are required to submit the following documents to Centre for Graduate Studies:

- (a) **SATU (1)** salinan digital draf akhir tesis.
ONE (1) digital copy of the final draft of the thesis.

- (b) Curriculum Vitae (CV).
Curriculum Vitae (CV).

- (c) **SATU (1)** salinan tesis berjilid.
ONE (1) bound copy of the thesis.

- (ii) Pelajar bertanggungjawab untuk menyediakan salinan tambahan sekiranya diminta oleh mana-mana pihak berkepentingan.

Student(s) shall be responsible for providing additional copies if requested by any relevant party.

- (iii) Pelajar dimestikan untuk menyerahkan tesis akhir yang telah dikemaskini selaras dengan laporan semakan pembetulan tesis yang diberikan oleh panel pemeriksa dalam tempoh **TIGA PULUH (30)** hari dari tarikh pemakluman rasmi laporan semakan tersebut.

*Student(s) are required to submit the final revised thesis in accordance with the corrections report provided by the examining panel within **THIRTY (30)** days from the official notification of the report.*

- (iv) Kegagalan pelajar untuk mematuhi tempoh ini akan mengakibatkan caj penalti sebanyak RM50.00 bagi setiap hari bekerja yang lewat akan dikenakan, dengan jumlah maksimum caj penalti sebanyak RM1,000.00.

Students' non-compliance with this timeframe shall result in a penalty of RM50.00 for each working day of delay to be imposed, with a maximum total penalty of RM1,000.00.

16.7.2 Laporan Projek Sarjana / Disertasi

Master's Project Report / Dissertation

- (i) **SATU (1)** salinan laporan projek sarjana, atau disertasi berjilid perlu diserahkan kepada Fakulti untuk tujuan semakan dan perakuan.

ONE (1) bound copy of the master's project report, or dissertation must be submitted to the Faculty for review and endorsement.

- (ii) Pelajar dimestikan untuk menyerahkan salinan digital yang mengandungi laporan lengkap projek sarjana atau disertasi beserta Curriculum Vitae (CV) kepada Fakulti.

Students are required to submit a digital copy containing the complete master's project report or dissertation along with their Curriculum Vitae (CV) to the Faculty.

- (iii) Pelajar bertanggungjawab untuk menyediakan salinan tambahan sekiranya diminta oleh mana-mana pihak berkepentingan.

Student(s) shall be responsible for providing additional copies if requested by any relevant party

- 16.8 Penulisan tesis yang terikat dengan perjanjian kerahsiaan (NDA) dan/atau sebarang perjanjian lain dengan pihak luar perlu mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkenaan sebelum sebarang penghantaran atau pendaftaran tesis dilakukan di Universiti.

Thesis writing subject to a confidentiality agreement (NDA) and/or any other agreement with external parties must obtain written authorization from the relevant party prior to any submission or registration of the thesis at the University.

- 16.9 Pendaftaran harta intelek yang dihasilkan daripada projek penyelidikan sepanjang tempoh pengajian adalah tertakluk kepada polisi yang sedang berkuat kuasa seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

The registration of intellectual property arising from research projects during the period of study is subject to the current policies as prescribed by the University.

17.0 PENYELIAAN SUPERVISION

- 17.1 Pelantikan Penyelia dan/atau Penyelia Bersama bagi pelajar Mod Penyelidikan hendaklah dilaksanakan merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Program Penyelidikan (Penyeliaan) yang sedang berkuat kuasa seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

The appointment of Supervisor and/or Co-Supervisor for students enrolling in Research Mode shall be carried out with reference to the Research Programme Implementation (Supervision) Guidelines currently in force as prescribed by the University.

- 17.2 Pelantikan atau pertukaran Penyelia Utama dan/atau Penyelia Bersama bagi pelajar Mod Penyelidikan adalah tertakluk kepada prosedur berikut:

The appointment or replacement of Principal Supervisor and/or Co-Supervisor for Research Mode students shall be subject to the following procedures:

- 17.2.1 Permohonan berhubung pelantikan atau pertukaran Penyelia Utama dan/atau Penyelia Bersama bagi pelajar Mod Penyelidikan adalah tertakluk kepada perakuan serta kelulusan Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti (JKPSF). Permohonan yang telah memperoleh kelulusan tersebut akan dikemukakan oleh Fakulti kepada Pusat Pengajian Siswazah bagi tujuan pelantikan.

Applications relating to the appointment or replacement of the Main Supervisor and/or Co-Supervisor for Research Mode students are subject to endorsement and approval by the Faculty Graduate Studies Committee (JKPSF). Upon approval, such applications shall be submitted by the Faculty to the Centre for Graduate Studies for the purpose of appointment.

- 17.2.2 Permohonan berhubung pelantikan atau pertukaran Penyelia Utama dan/atau Penyelia Bersama bagi program selain Mod Penyelidikan adalah tertakluk kepada kelulusan dan pelantikan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti (JKPSF).

Applications relating to the appointment or replacement of the Principal Supervisor and/or Co-Supervisor for programmes other than the Research Mode are subject to approval and appointment by the Faculty Graduate Studies Committee (JKPSF).

- 17.3 Sebarang hubungan kekeluargaan, termasuk hubungan suami isteri, antara Penyelia Utama dan/atau Penyelia Bersama dengan pelajar adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

*Any family relationship, including a spousal relationship, between the Main Supervisor and/or Co-Supervisor and the student is **NOT PERMITTED**.*

- 17.4 Sebarang hubungan kekeluargaan atau percanggahan kepentingan antara Penyelia Utama dan/atau Penyelia Bersama yang dilantik adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

*Any family relationship, including a spousal relationship, between the Main Supervisor and/or Co-Supervisor is **NOT PERMITTED**.*

- 17.5 Pertimbangan untuk melantik Penyelia Utama dan/atau Penyelia Bersama yang mempunyai pertalian keluarga hanya boleh dipertimbangkan oleh JKPSF dengan justifikasi kukuh berkaitan keperluan kepakaran dalam bidang penyelidikan tersebut.

Consideration for appointing a Main Supervisor and/or Co-Supervisor with a family relationship may only be considered by the JKPSF with strong justification related to the requirement for expertise in the relevant research field.

- 17.6 Penyelia dimestikan untuk mengarahkan pelajar mengemukakan laporan pentaksiran kemajuan penyelidikan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Kegagalan pelajar mematuhi tempoh tersebut akan mengakibatkan caj penalti sebanyak RM100.00 dikenakan ke atas akaun pelajar.

The Supervisor is required to direct the student to submit the research progress assessment report within the stipulated timeframe. Failure by the student to comply with the specified timeframe shall result in a penalty of RM100.00 being imposed on the students' account.

18.0 PANEL PEMERIKSA ***EXAMINATION PANEL***

- 18.1 Panel Pemeriksa bertanggungjawab menilai tesis dan mengendalikan peperiksaan lisan. Bilangan Panel Pemeriksa adalah tertakluk kepada Garis Panduan Peperiksaan Lisan Pascasiswazah Mod Penyelidikan

yang sedang berkuat kuasa di Universiti dan/atau keperluan standard yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

The Examination Panel is responsible for assessing the thesis and administering the oral examination. The number of the Examination Panel is subject to the Postgraduate Oral Examination Guidelines Research Mode currently in force at the University and/or the standards established by the Malaysian Qualifications Agency (MQA).

- 18.2 Panel Pemeriksa boleh mencadangkan keputusan peperiksaan lisan dengan merujuk kepada Garis Panduan Perakuan Keputusan Peperiksaan Lisan dan Tesis yang sedang berkuat kuasa di Universiti, seperti yang ditabulasi pada **Jadual 4**.

*The Examination Panel may recommend the outcome of the oral examination by referring to the Guidelines for Certification of Oral Examination and Thesis currently in force at the University, as tabulated in **Table 4**.*

- 18.3 Laporan penilaian awal tesis hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengajian Siswazah selewat-lewatnya **TIGA PULUH (30)** hari dari tarikh salinan digital draf tesis dihantar melalui emel kepada pemeriksa. Tarikh peperiksaan lisan hanya akan ditetapkan selepas laporan penilaian awal tesis yang lengkap daripada **KESEMUA** panel pemeriksa diterima oleh Pusat Pengajian Siswazah.

*The preliminary thesis assessment report must be submitted to Centre for Graduate Studies no later than **THIRTY (30)** days from the date the digital draft of the thesis is emailed to the examiners. The date for the oral examination shall only be scheduled after the complete preliminary assessment reports from **ALL** examiners have been received by Centre for Graduate Studies.*

- 18.4 Pelajar dibenarkan membuat permohonan penganjutan tempoh pembetulan tesis kepada Pusat Pengajian Siswazah melalui Fakulti bagi tujuan semakan dan perakuan, terhad kepada **SATU (1)** kali sahaja dan tidak melebihi **ENAM PULUH (60)** hari.

Students are permitted to submit an application for an extension of the thesis correction period to Centre for Graduate Studies through the

*Faculty for review and endorsement, limited to **ONE (1)** time only and shall not exceed **SIXTY (60)** days.*

- 18.5 Panel Pemeriksa dikehendaki mengemukakan laporan lengkap semakan pembetulan tesis pelajar kepada Pusat Pengajian Siswazah selewat-lewatnya **TIGA PULUH (30)** hari dari tarikh salinan digital tesis pelajar yang telah dipinda dan/atau ditambahbaik dihantar melalui emel untuk tujuan semakan dan perakuan. Sebarang pelanjutan tempoh semakan atau pengesahan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

*The Examination Panel(s) are required to submit the complete thesis correction review report to Centre for Graduate Studies no later than **THIRTY (30)** days from the date the students' revised and/or amended digital thesis copy is emailed for review and endorsement. Any extension of the review or verification period shall **NOT BE PERMITTED**.*

- 18.6 Kegagalan pelajar untuk membuat pindaan tesis merujuk kepada cadangan panel pemeriksa dalam tempoh pelanjutan akan mengakibatkan pemberian **Kedudukan Gagal (KG)** dan pemberhentian pengajian oleh Universiti.

*Students' failure to amend the thesis as recommended by the examination panel within the extension period shall be assigned a **Fail Standing (KG)** and terminated from studies by the University.*

19.0 PENILAIAN **ASSESSMENT**

- 19.1 Penilaian bagi pelajar program pascasiswazah dijalankan mengikut rubrik pemarkahan yang sedang berkuat kuasa seperti yang ditetapkan oleh Universiti dan/atau standard program masing-masing.

Assessment for postgraduate students shall be conducted in accordance with the evaluation rubric currently in force as prescribed by the University and/or the respective program standards.

- 19.2 Penilaian berterusan bagi pelajar program Kedoktoran dan Sarjana (Mod Penyelidikan) dijalankan seperti berikut:

Continuous assessment for Doctoral and Master's students (Research Mode) shall be conducted as follows:

19.2.1 Penilaian cadangan penyelidikan;
Assessment of research proposal;

19.2.2 Penilaian kemajuan penyelidikan (setiap semester);
Assessment of research progress (per semester);

19.2.3 Penilaian pra-peperiksaan lisan
Pre-viva assessment

19.3 Penilaian bagi memenuhi syarat bergraduan bagi pelajar program Kedoktoran dan Sarjana Mod Penyelidikan adalah terhad kepada penilaian tesis dan peperiksaan lisan.
Assessment to fulfill graduation requirements for Doctoral programme and Research Master's students is limited to thesis evaluation and the oral examination.

19.3 Peperiksaan Lisan
Oral Examination

19.3.1 Pelajar Kedoktoran hanya layak menduduki peperiksaan lisan (viva-voce) setelah menamatkan sekurang-kurangnya **LIMA (5)** semester pengajian, dan telah menepati syarat menyertai dan lulus kursus Kaedah Penyelidikan serta semua kursus wajib lain yang ditetapkan oleh program pengajian.

*Doctoral students shall be eligible to undertake the oral examination (viva-voce) only upon completion of a minimum of **FIVE (5)** semesters of study, and upon fulfilling the requirement to have enrolled in and passed the Research Methods course and all other compulsory courses as prescribed by the study program.*

19.3.2 Pelajar Sarjana layak menduduki peperiksaan lisan setelah menamatkan sekurang-kurangnya **TIGA (3)** semester

pengajian, dengan syarat pelajar telah mengikuti dan lulus kursus Kaedah Penyelidikan serta semua kursus wajib lain yang ditetapkan oleh program pengajian.

*Master's students are eligible to undertake the oral examination upon completion of a minimum of **THREE (3)** semesters of study, provided that the student has enrolled in and passed the Research Methods course and all other compulsory courses prescribed by the study program.*

- 19.3.3 Senat Universiti mempunyai budi bicara mutlak untuk memberikan kebenaran kepada calon yang terbukti cemerlang menamatkan pengajian dalam tempoh yang lebih singkat daripada tempoh minimum pengajian yang ditetapkan.

The University Senate shall have absolute discretion to authorize candidates who have demonstrated exceptional merit to complete their studies within a period shorter than the prescribed minimum duration.

- 19.3.4 Tempoh minimum yang diiktiraf bagi calon cemerlang dan/atau calon yang berpindah dari institusi pengajian lain ke Universiti bagi tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran adalah **SATU (1)** semester lazim, tertakluk kepada sebarang pindaan terkini yang sedang berkuat kuasa dan digunapakai oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

*The recognized minimum duration for outstanding candidates and/or candidates transferring from other higher education institutions to Universiti for the purpose of Master's or Doctoral degree conferral is **ONE (1)** semester, subject to any current amendments enforced and implemented by the Malaysian Qualifications Agency (MQA).*

- 19.3.5 Permohonan pindaan tarikh dan/atau mod dan/atau lokasi peperiksaan lisan boleh dibuat dengan merujuk kepada Garis Panduan Peperiksaan Lisan Pascasiswazah Mod Penyelidikan yang sedang berkuat kuasa seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

Applications to amend the date and/or mode and/or venue of the oral examination may be submitted in accordance with the currently enforced Postgraduate Research Mode Oral Examination Guidelines as prescribed by the University.

19.4 Peperiksaan Lisan Ulangan (Re-Viva)

Repeated Oral Examination (Re-Viva)

- 19.4.1 Peperiksaan lisan ulangan (re-viva) akan dilaksanakan secara bersemuka sahaja. Sebarang permohonan atau rayuan untuk melaksanakan peperiksaan ini melalui kaedah dalam talian adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan tidak akan dipertimbangkan.

*The repeated oral examination (re-viva) will be conducted exclusively on a face-to-face basis. Any application or appeal to conduct the examination via online means is **NOT PERMITTED** and will not be considered.*

- 19.4.2 Pelaksanaan peperiksaan lisan ulangan adalah terhadap kepada **SATU (1)** kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

*The conduct of the repeated oral examination is limited to **ONE (1)** attempt only throughout the duration of study.*

- 19.4.3 Pelajar yang tidak dapat menghadiri peperiksaan lisan ulangan pada tarikh yang telah ditetapkan atas apa-apa sebab dimestikan untuk memaklumkan secara bertulis kepada Pusat Pengajian Siswazah tidak lewat daripada **LIMA (5)** hari bekerja sebelum tarikh peperiksaan, bagi membolehkan pindaan tarikh peperiksaan lisan ulangan dibuat.

*Student(s) who is unable to attend the repeated oral examination on the scheduled date for any reason is required to notify Centre for Graduate Studies in writing no later than **FIVE (5)** working days prior to the examination date, to enable the rescheduling of the repeated oral examination.*

- 19.4.4 Kegagalan untuk memaklumkan Pusat Pengajian Siswazah dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan pelajar secara automatik dianggap gagal hadir tanpa sebab yang sah, dan keputusan peperiksaan lisan ulangan tersebut akan direkodkan sebagai **GAGAL**.

*Failure to notify Centre for Graduate Studies within the prescribed period shall result in the student being automatically deemed absent without valid reason, and the outcome of the repeated oral examination shall be recorded as **FAIL**.*

- 19.4.4 Keputusan peperiksaan lisan ulangan adalah tertakluk kepada Garis Panduan Perakuan Keputusan Peperiksaan Lisan dan Tesis seperti yang ditabulasi dalam **Jadual 4**.

*The outcome of the repeated oral examination shall be governed by the Oral Examination and Thesis Result Endorsement Guidelines as tabulated in **Table 4**.*

- 19.4.5 Keputusan peperiksaan lisan ulangan yang mencatatkan markah **KURANG DARIPADA 65%** akan direkodkan sebagai **GAGAL**.

*Any repeated oral examination result recording a score of **LESS THAN 65%** shall be recorded as **FAIL**.*

20.0 RAYUAN DAN PENILAIAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN APPEAL AND RE-EVALUATION OF EXAMINATION RESULTS

- 20.1 Pelajar dibenarkan untuk mengemukakan permohonan rayuan bagi semakan keputusan peperiksaan sekiranya wujud pertikaian rasmi terhadap keputusan yang diterima.

Students are permitted to submit an appeal for the review of examination results in the event of a formal dispute regarding the outcomes received.

- 20.2 Permohonan rayuan bagi semakan keputusan peperiksaan hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengajian Siswazah melalui fakulti dalam tempoh yang ditetapkan dan selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan.

Appeals for the review of examination results must be submitted to Centre for Graduate Studies through the respective faculty within the prescribed period and in accordance with the established procedures.

20.3 Rayuan Semakan Keputusan Peperiksaan Bagi Program Kerja Kursus dan Mod Campuran.

Appeal for Review of Examination Results for Coursework and Mixed-Mode Programme.

20.3.1 Rayuan semakan keputusan peperiksaan untuk program secara Kerja Kursus dan Mod Campuran hendaklah dibuat mengikut peraturan berikut:

Appeals for the review of examination results for Coursework and Mixed-mode programme should be submitted in accordance with the following regulations:

- (i) Rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh **TUJUH (7)** hari bekerja selepas tarikh keputusan dikeluarkan.

*Appeals must be submitted in writing to the Faculty Dean within **SEVEN (7)** working days from the date the results are released.*

- (ii) Kadar bayaran bagi setiap rayuan ialah RM 50.00 bagi setiap kursus.

The fee for each appeal is RM 50.00 per course.

- (iii) Kaedah pembayaran tertakluk kepada prosedur bayaran sedang berkuat kuasa seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

The method of payment shall be subject to the payment procedures currently in force as prescribed by the University.

- 20.3.2 Fakulti dimestikan untuk membuat semakan semula terhadap gred kursus pelajar dengan telus sebaik sahaja permohonan rayuan semakan diterima.

The faculty is required to conduct a transparent re-evaluation of a student's course grade upon receipt of the appeal submission.

- 20.3.3 Markah yang ditetapkan selepas semakan semula gred akan direkodkan sebagai keputusan rasmi bagi kursus tersebut.

The grade determined following the re-evaluation shall be recorded as the official result for the course

- 20.3.4 Fakulti dimestikan untuk memaklumkan keputusan rayuan semakan gred kursus kepada pelajar dalam tempoh **SEPULUH (10)** hari bekerja bermula dari tarikh permohonan rayuan dikemukakan.

*The faculty is required to notify the student of the outcome of the course grade appeal within **TEN (10)** working days from the date the appeal is submitted*

- 20.4 Rayuan Semakan Keputusan Peperiksaan Lisan (Mod Penyelidikan)
Appeal for Review of Oral Examination Results (Research Mode)

- 20.4.1 Rayuan semakan keputusan peperiksaan lisan bagi pengajian secara penyelidikan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan PPS melalui Fakulti dalam tempoh **EMPAT BELAS (14)** hari bekerja selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan lisan.

*Appeals for the review of oral examination results for research-based studies must be submitted in writing to the Dean of PPS through the Faculty within **FOURTEEN (14)** working days from the official announcement of the oral examination results.*

- 20.4.2 Pertimbangan terhadap rayuan adalah tertakluk kepada edisi terkini Panduan Pelaksanaan Program Penyelidikan (Rayuan

Keputusan Penilaian Tesis) yang sedang berkuat kuasa seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

The consideration of appeals shall be subject to the current edition of the Research Program Implementation Guide (Thesis Assessment Appeal) in force, as stipulated by the University.

20.4.3 Rayuan semakan keputusan peperiksaan lisan ulangan (re-viva) adalah tidak dibenarkan.

Appeals for the review of repeated oral examination results (re-viva) are not permitted.

21.0 SEMAKAN PEMBETULAN TESIS

REVIEW OF THESIS AMENDMENTS

21.1 Permohonan untuk pelanjutan tempoh pembetulan tesis hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengajian Siswazah selewat-lewatnya **TUJUH (7)** hari sebelum tamat tempoh asal pembetulan tesis.

*Applications for an extension of the thesis correction period shall be submitted to the Centre for Graduate Studies no later than **SEVEN (7)** days prior to the original thesis correction deadline.*

21.2 Pelanjutan tempoh pembetulan tesis adalah terhadap kepada **SATU (1)** kali sahaja dan tidak boleh melebihi 60 hari.

*The extension of the thesis correction period shall be limited to **ONE (1)** occurrence and shall not exceed 60 days.*

21.3 Permohonan untuk pelaksanaan sesi moderasi boleh dibuat sekiranya terdapat bukti diskriminasi atau sebarang salah laku antara pelajar dengan Penyelia dan/atau Panel Penilai sepanjang tempoh penyeliaan atau sesi peperiksaan lisan dijalankan.

Applications for the conduct of a moderation session may be submitted where evidence of discrimination or any misconduct between the student and the Supervisor and/or Evaluation Panel is observed during the supervision period or oral examination session.

22.0 PEPERIKSAAN AKHIR

FINAL EXAMINATION

- 22.1 Pelajar yang mendaftar kursus yang mempunyai peperiksaan akhir dimestikan untuk menduduki peperiksaan pada tarikh, masa, dan tempat yang telah ditetapkan oleh Universiti.

Students enrolled in courses with a final examination are required to sit for the examination on the date, time, and venue prescribed by the University.

- 22.2 Kehadiran minimum sebanyak 80% daripada jumlah jam pengajaran yang dijadualkan bagi setiap kursus, termasuk Program Pendidikan Terbuka dan Jarak Jauh, adalah syarat wajib untuk kelayakan pelajar menduduki peperiksaan akhir.

A minimum attendance of 80% of the scheduled instructional hours for each course, including the Open and Distance Learning Program, is a mandatory requirement for students to be eligible to sit for the final examination.

- 22.3 Kegagalan menghadiri peperiksaan akhir atas alasan kesihatan adalah tertakluk kepada keperluan memperoleh sijil cuti sakit yang sah dan disahkan oleh Pegawai Perubatan hospital kerajaan atau Pegawai Perubatan Universiti.

Failure to attend the final examination due to health reasons is subject to the requirement of obtaining a valid medical certificate certified by a Government Hospital Medical Officer or a University Medical Officer.

- 22.4 Pelajar atau wakilnya dimestikan untuk memaklumkan kepada fakulti atau pusat dalam tempoh **DUA PULUH EMPAT (24)** jam selepas sijil cuti sakit diperolehi.

*Student(s) or their representative is required to notify the faculty or centre within **TWENTY-FOUR (24)** hours from the issuance of the medical certificate.*

- 22.5 Sijil cuti sakit asal hendaklah dikemukakan kepada fakulti atau pusat selewat-lewatnya **TIGA (3)** hari bekerja selepas tarikh peperiksaan

akhir. Kegagalan untuk mengemukakan sijil cuti sakit asal boleh mengakibatkan pelajar dianggap tidak hadir tanpa alasan yang sah, dan keputusan peperiksaan bagi kursus berkenaan boleh direkodkan sebagai **GAGAL**.

*The original medical certificate must be submitted to the faculty or centre no later than **THREE (3)** working days following the final examination date. Failure to submit the original medical certificate may result in the student being deemed absent without valid justification, and the examination result for the respective course can be recorded as **FAIL**.*

- 22.6 Universiti mempunyai budi bicara mutlak untuk meluluskan penangguhan peperiksaan akhir bagi pelajar yang menghadapi kecemasan atau keadaan luar jangka yang tidak dapat dielakkan.

The University holds absolute discretion to approve the deferment of final examinations for students facing emergencies or unavoidable extraordinary circumstances.

23.0 SISTEM GRED GRADING SYSTEM

- 23.1 Hubungan antara markah, gred, mata nilai dan taraf pencapaian bagi pengajian secara kerja kursus dan mod campuran adalah ditetapkan sebagaimana yang diperincikan dalam **Jadual 5**.

*The relationship between marks, grades, grade points, and achievement status for coursework and mixed-mode studies is prescribed as set out in **Table 5**.*

- 23.2 Kedudukan akademik bagi pengajian secara kerja kursus dan mod campuran adalah ditentukan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 6**.

*The academic standing for coursework and mixed-mode studies is determined as specified in **Table 6**.*

- 23.3 Status pendaftaran kursus serta gred keputusan adalah dirujuk sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual 7**.

Course registration status and result grades are referenced as stated in Table 7.

23.4 Syarat Kelulusan Kursus Mengikut Komponen
Course Passing Requirements by Component

23.4.1 Syarat lulus sesuatu kursus adalah tertakluk kepada pencapaian lulus bagi kedua-dua komponen Pentaksiran Berterusan dan Pentaksiran Akhir, dengan pematuhan kepada markah lulus minimum yang ditetapkan bagi setiap komponen mengikut keperluan program masing-masing.

The passing requirement for a course is subject to the attainment of a pass in both the Continuous Assessment and Final Assessment components, in compliance with the minimum passing marks prescribed for each component in accordance with the respective programme requirements.

23.4.2 Jumlah peratusan markah keseluruhan yang terhasil daripada gabungan kedua-dua komponen pentaksiran mesti memenuhi syarat lulus minimum yang telah ditetapkan oleh Universiti.

The overall percentage of marks derived from the combination of both assessment components must satisfy the minimum passing requirement prescribed by the University.

23.4.3 Kegagalan memenuhi syarat lulus bagi mana-mana satu komponen pentaksiran sesuatu kursus akan direkodkan sebagai gagal walaupun markah lulus minimum keseluruhan telah dicapai, dan kursus tersebut mesti diulang pada semester berikutnya.

Failure to meet the passing requirement in any one assessment component of a course shall be recorded as a fail, notwithstanding the attainment of the overall minimum passing mark, and the course must be repeated in the subsequent semester.

23.4.4 Pelajar yang direkodkan gagal dalam kursus dengan gred B- dan ke bawah akan diberikan nilai mata, yang akan dikira dan dimasukkan secara rasmi ke dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) serta Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi semester berkenaan.

Students recorded as having failed a course with a grade of B- or lower will be assigned grade points, which will be formally calculated and incorporated into the computation of the Grade Point Average (GPA) and Cumulative Grade Point Average (CGPA) for the respective semester.

23.4.5 Simulasi bagi penetapan gred dan status akademik akan dilaksanakan dan direkodkan mengikut prosedur yang diperincikan dalam **Jadual 8**.

*The simulation for the determination of grades and academic status will be conducted and recorded in accordance with the procedures detailed in **Table 8**.*

23.5 Tidak Selesai (TS)

Incomplete (TS)

23.5.1 Gred Tidak Selesai (TS) adalah khusus untuk pelajar yang mengikuti pengajian secara mod kerja kursus dan mod campuran.

The grade Incomplete (TS) applies exclusively to students enrolled in coursework and mixed-mode studies.

23.5.2 Gred Tidak Selesai (TS) akan diberikan kepada pelajar dalam keadaan berikut:

The grade Incomplete (TS) shall be assigned to students under the following circumstances:

- (i) Pelajar tidak dapat menduduki peperiksaan akhir atas sebab kesihatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar dan diperakukan oleh Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan.

Student(s) are unable to sit for the final examination due to a health condition certified by a registered medical practitioner and endorsed by a University Medical Officer or a Government Hospital Medical Officer.

- (ii) Pelajar tidak dapat menyiapkan kerja kursus atau tugas yang ditetapkan dalam tempoh yang ditentukan atas sebab kesihatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar dan diperakukan oleh Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan.

Student(s) are unable to complete coursework or required assignments within the prescribed period due to health reasons certified by a registered medical practitioner and verified by a University Medical Officer or a Government Hospital Medical Officer.

- (iii) Pelajar tidak dapat memenuhi keperluan kursus atas alasan munasabah yang diterima dan diperakukan oleh Pusat Pengajian Siswazah.

Student(s) are unable to fulfil the course requirements for reasons deemed reasonable and accepted by the Centre for Graduate Studies.

- (iv) Pelajar sedang tertakluk kepada siasatan rasmi berkaitan salah laku akademik.

Student(s) are subject to an ongoing formal investigation relating to academic misconduct.

23.6 Gred Tambah Baik

Grade Improvement

- 23.6.1 Permohonan bagi penambahbaikan gred kursus boleh dibuat sepanjang tempoh pengajian, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat berikut:

Applications for course grade improvement may be submitted during the period of study, subject to compliance with the following conditions:

- (i) Penambahbaikan gred hanya dibenarkan bagi kursus yang telah direkodkan dengan gred A-, B+, B atau B-, atau kursus yang direkodkan sebagai gagal komponen (FC).

Grade improvement is permitted only for courses recorded with grades A-, B+, B or B-, or courses recorded as having a Fail Component (FC).

- (ii) Penambahbaikan gred bagi sesuatu kursus adalah terhadap kepada **SATU (1)** kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

*Grade improvement for any course is limited to **ONE (1)** attempt only throughout the duration of study*

- (iii) Gred tertinggi yang diperoleh hasil daripada penambahbaikan gred akan digunakan dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

The highest grade obtained from the grade improvement shall be used in the calculation of the Grade Point Average (GPA) and Cumulative Grade Point Average (CGPA).

- (iv) Tempoh pengajian pelajar hendaklah tidak melangkaui tempoh maksimum pengajian yang ditetapkan pada masa permohonan penambahbaikan gred kursus dikemukakan.

The student's period of study should not exceed the maximum duration of study prescribed at the time the application for course grade improvement is submitted.

- (v) Pelajar dimestikan membuat pembayaran yuran pendaftaran bagi kursus yang ditambah baik mengikut tatacara pembayaran yuran pendaftaran kursus yang sedang berkuat kuasa.

Students are required to make payment of the registration fee for the grade improvement course in accordance with the prevailing course registration fee payment procedures.

23.7 Kredit Lulus Program

Programme Passing Credits

Pelajar mod kerja kursus dan mod campuran dimestikan mendaftar, menduduki, serta lulus kesemua kursus yang diwajibkan (merujuk kepada kredit minimum yang diluluskan) bagi program pengajian masing-masing.

Coursework and mixed-mode students are required to register for, attend, and pass all mandatory courses, referring to the minimum credits passed, for their respective programme of study.

24.0 KEDUDUKAN AKADEMIK *ACADAMIC STANDING*

24.1 Pencapaian pelajar dinilai dengan merujuk kepada mod program masing-masing.

Student performance is assessed with reference to the respective programme mode.

24.1.1 Pelajar yang mendaftar dalam program mod Kerja Kursus dan Mod Campuran akan dinilai berdasarkan pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

